

BUKU PANDUAN ASAS KECEMASAN DAN KESELAMATAN AWAM

ISI KANDUNGAN

JAWATANKUASA PENERBITAN BUKU PANDUAN ASAS KECEMASAN DAN KESELAMATAN AWAM	8
DOA MENOLAK BENCANA HIMPUNAN DOA MENGHINDARI DAN MENANGANI PELBAGAI BENCANA	10
1. BANTUAN KECEMASAN	14
1.1 Pendarahan (<i>Bleeding</i>)	14
1.2 Luka Akibat Kebakaran dan Melecuran (<i>Burn Injuries</i>)	14
1.3 Tulang Patah atau Retak (<i>Fractures</i>)	15
1.4 Memindah Pesakit Tanpa Usungan (<i>Moving Casualty without Stretcher</i>)	16
1.5 CPR (<i>Cardio- Pulmonary Resuscitation</i>) bagi Orang Dewasa dan AED (<i>Adult CPR & AED</i>)	16
1.6 Tercekik: Sekatan pernafasan orang dewasa yang sedar (<i>Choking</i>)	18
1.7 Posisi Pemulihan (<i>Recovery Position</i>)	20
1.8 Lemas (<i>Drowning</i>)	21
1.9 Kejutan Elektrik (<i>Electrical Shock</i>)	22
1.10 Pertolongan Cemas Psikologi (<i>Psychological First Aid</i>)	23
1.11 Triage	24
2. RANCANGAN TINDAKAN AWAM	25
2.1 Beg Kecemasan	25
2.2 Amaran Awam	25
Tips Memandu Dengan Selamat Bagi Setiap Senario Cuaca	25
Memandu Ketika Hujan	25
Memandu Ketika Angin Kencang	25
Memandu Ketika Panas Terik	26
Memandu Ketika Kabus Tebal	26
Kod Amaran Cuaca Berwarna	26
Peringkat Kuning: Berwaspada	27
Peringkat Jingga: Bersedia	27
Peringkat Merah: Bertindak	28
Angin yang Kita Rasai	29
Nasihat Cuaca	29
Memahami Nasihat Cuaca Dan Amaran Cuaca	29
Dimanakah Amaran Cuaca & Nasihat Cuaca Dapat Diperolehi?	30
2.3 Banjir	30
2.3.1 Amaran Banjir	30

2.3.2 Apa Perlu Dibuat	31
2.3.3 Semasa Banjir	31
2.3.4 Sesudah Banjir	31
2.3.5 Hindarikan Perkara Berikut	31
2.3.6 Jika Biskita Berada di Dalam Kenderaan	31
2.3.7 Jika Biskita Berada di Atas Jalan Raya	32
2.3.8 Prosedur Pengurusan Elektrik Sebelum Berlakunya Banjir	32
2.3.9 Prosedur Pengurusan Elektrik Semasa Berlakunya Banjir	32
2.3.10 Prosedur Pengurusan Elektrik Setelah Banjir Reda	32
2.3.11 Tip Keselamatan Elektrik Semasa Berlaku Banjir	33
2.4 Tanah Susur	33
2.4.1 Amaran Tanda-tanda Tanah Susur	33
2.4.2 Sebelum Kejadian	33
2.4.3 Semasa Kejadian	34
2.4.3 (a) Semasa dalam Rumah	34
2.4.3 (b) Semasa di Luar	34
2.4.4 Selepas Kejadian	34
2.4.5 Jika Biskita Berada di atas Jalan Raya	35
2.5 Petir	35
2.5.1 Elakkan Perkara-Perkara Seperti Berikut Semasa Petir	35
2.5.2 Jika Biskita Berada di Dalam Rumah/Bangunan	36
2.5.3 Jika Biskita Berada di Luar	36
2.5.4 Jika Biskita Berada di Dalam Kenderaan	36
2.6 Angin Puting Beliung	36
2.6.1 Sebelum Kejadian	36
2.6.2 Semasa Kejadian	36
2.6.3 Selepas Kejadian	37
2.7 Tsunami	37
2.7.1 Tanda-tanda Tsunami Kemungkinan Terjadi	37
2.7.2 Apabila Tsunami Terjadi	37
2.8 Gegeran Bumi	37
2.8.1 Sebagai Langkah Berhati-hati Ikuti Panduan Seperti Berikut	38
2.8.1 (a) Jika Biskita Berada di Dalam Rumah Atau Bangunan	38
2.8.1 (b) Jika Biskita Berada di Luar	38
2.8.1 (c) Jika Diarahkan Untuk Berpindah	38
2.9 Gempa Bumi	39

2.9.1 Semasa Gempa Bumi Terjadi	39
2.9.2 Jika Biskita Di Lokasi Luar	39
2.9.3 Apabila Gempa Bumi Berhenti	39
2.10 Gangguan Bekalan Elektrik	40
2.10.1 Apa Yang Harus Biskita Buat?	40
2.10.2 Kerosakan Lif dan Menyelamat Mangsa	40
2.10.3 Memandu Ketika Lampu Jalan Raya Gelap	41
2.11 Gangguan Bekalan Air	41
Aduan Gangguan Sistem Bekalan Air	41
2.12 Jerebu	41
2.12.1 Apabila Terjadi Jerebu Dengan Bacaan (Pollution Standard Index) PSI 51 ke Atas	41
2.13 Air Kemerah-merahan	42
2.13.1 Tanda-tanda Keracunan Untuk Amaran Awam	42
2.13.2 Jika Biskita Keracunan	42
2.13.3 Langkah-Langkah Yang Perlu Biskita Ambil Dalam Situasi Air Kemerah-merahan:	42
2.14 Air Pasang Tinggi	43
2.14.1 Amaran Kepada Orang Awam	43
2.14.2 Apabila Air Pasang Tinggi	43
2.15 Kemalangan Di laut	43
2.16 Jika Biskita Terperangkap di bawah Timbunan Runtuhan	44
2.17 Tumpahan Minyak	45
2.17.1 Prosedur Operasi Standard	45
2.17.1 Sebelum Kejadian	46
2.17.2 Semasa Kejadian	47
2.17.3 Selepas Kejadian	47
2.18 Kebakaran Hutan	47
2.18.1 Sebelum kejadian/ <i>Before</i>	47
2.18.2 Semasa kejadian/ <i>During</i>	48
2.18.3 Selepas kejadian/ <i>After</i>	48
2.18.4 Info Umum Apabila Berada di Kawasan Taman-Taman Rekreasi Hutan Simpan	48
2.18.5 Perkara Yang Tidak Patut Dilakukan Semasa Berada di Taman-Taman Rekreasi Hutan atau Mana-mana Kawasan Hutan Simpan	49
3. KESELAMATAN KEBAKARAN	50
3.1 Panduan Mencegah Kebakaran	50

3.1.1 Harta Benda	50
3.1.2 Jeriji	50
3.1.3 Mancis	50
3.1.4 Jalan Keluar Kecemasan	50
3.1.5 Asap	50
3.1.6 Bahan Mudah Terbakar	51
3.1.7 Arus Elektrik Berlebihan	51
3.1.8 Tangga Kecemasan	51
3.1.9 Merokok	51
3.1.10 Pengesan Asap / <i>Smoke Detector</i>	51
3.1.11 Selimut Basah / <i>Wet Blanket</i>	51
3.1.12 Alat Pemadam Api / <i>Fire Extinguisher</i>	52
3.2 10 Cara Mencegah Kebakaran	52
3.2.1 Keselamatan Di Dapur	52
3.2.2 Ruang Alat Pemanas	52
3.2.3 Perkakas Merokok	52
3.2.4 Mancis dan Pemetik Api	52
3.2.5 Elektrik	52
3.2.6 Lilin	53
3.2.7 Alat Pengesan Asap	53
3.2.8 Sentiasa Membuat Pemeriksaan	53
3.2.9 Jika Pakaian Biskita Terbakar	53
3.2.10 Merangkak di Dalam Asap	53
3.3 Mencegah Kebakaran Di Rumah	53
3.4 Gas Cecair Petroleum (LPG)	54
3.4.1 Lakukan	54
3.4.2 Jangan Lakukan	54
3.4.3 Jika Biskita Tercium Bau Kebocoran Gas	55
3.4.4 Jika Kualiti Atau Peralatan Memasak Lain Biskita Terbakar	55
3.5 Keselamatan Kebakaran Bangunan	55
3.5.1 Apabila Biskita Mula-mula Masuk ke Dalam Bilik Biskita:	55
3.5.2 Apabila Biskita Mengesan Sebarang Kebakaran:	56
3.5.3 Jika Biskita Mendengar Loceng Keselamatan	56
3.5.4 Sekiranya Biskita Berada di Dalam Bilik Biskita	56
3.6 Cara Menggunakan Alat Pemadam Api Dan Jenis-Jenis Alat Pemadam Api	57
3.6.1 Cara Menggunakan Alat Pemadam Api	57

3.6.2 Jenis-jenis Alat Pemadam Api	57
3.7 Alat Penggera Kebakaran (<i>Break Glass Call Point</i>) Dan Gelendong Hos Api (<i>Fire Hose Reel</i>)	58
3.7.1 Alat Penggera Kebakaran dan Gelendong Hos Api	58
3.7.2 Jika Biskita Terperangkap Di Dalam Bilik Yang Dipenuhi Asap	58
3.7.3 Jika Biskita Terperangkap Dalam Kebakaran	58
3.8 Apabila Kebakaran Berlaku	59
3.8.1 Jika Biskita Mendapati Kebakaran	59
3.8.2 Cara-cara memadamkan api termasuk:	59
3.9 Jika Pakaian Biskita Terkena Api	59
3.10 Senarai Semak	60
3.11 Jika Kereta Biskita Terbakar	62
3.12 Kebakaran Elektrik	62
4. PENGGANASAN	63
4.1 Ancaman Kimia	63
4.1.1 Tanda-tanda Kemungkinan Terjadinya Serangan Agen Kimia	63
4.1.2 Sekiranya Berlaku Serangan Agen Kimia	65
4.1.3 Sekiranya Biskita Terdedah Kepada Agen Kimia	65
4.1.4 Sekiranya Biskita Mengesyaki Yang Seseorang Itu Telah Terdedah Kepada Agen Kimia	66
4.1.5 Ancaman Pencemaran Tumpahan Kimia Yang Boleh Merosakkan Alam Sekitar	66
4.2 Ancaman Biologi	67
4.2.1 Tanda-tanda Kemungkinan Terjadinya Serangan Agen Biologi	68
4.2.2 Sekiranya Berlaku Serangan Agen Biologi	68
4.2.3 Jika Biskita Telah Terdedah Kepada Agen Biologi	69
4.2.4 Jika Biskita Fikir Seseorang Itu Telah Terdedah Kepada Agen Biologi	69
4.3 Ancaman Antraks (<i>Anthrax</i>)	69
4.3.1 Sekiranya Biskita Mengesyaki Bahawa Sebuah Artikel Mengandungi Antraks	70
4.4 Ancaman Bom	70
4.4.1 Jika Biskita Melihat Barang Yang Mencurigakan Atau Bom Yang Belum Meletup	71
4.4.2 Jika Biskita Menerima Ancaman Bom Melalui Telefon	71
4.4.3 Jika Biskita Menerima Surat Atau Bungkusan Yang Mencurigakan Atau Bungkusan Bom	72
4.5 Evakuasi Dari Kawasan Letupan Prosedur Dekontaminasi	73
4.6 Prosedur Dekontaminasi	74
4.6.1 Pendaftaran	74

4.6.2 Menanggalkan Pakaian	75
4.6.3 Mandian	75
4.6.4 Mengeringkan	75
4.6.5 Memantau	75
4.6.6 Mengenakan Pakaian	75
4.7 Keselamatan Pengangkutan Awam	76
4.7.1 Jika Biskita Melihat Sesuatu Atau Sesiapa Yang Meragukan	76
4.7.2 Maklumkan Pemandu Atau Konduktor Bas Jika Biskita Terlihat Bungkusan Yang Mencurigakan	76
NOMBOR-NOMBOR PENTING / KECEMASAN	78

JAWATANKUASA PENERBITAN BUKU PANDUAN ASAS KECEMASAN DAN KESELAMATAN AWAM

PENASIHAT

Kolonel (Bersara) Muhd Harrith Rashidi bin Haji Muhd Jamin
Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan

PENGERUSI

Mohammad Adib bin Matali

URUS SETIA

Haji Abdul Hafiz bin Haji Mohd Sopian
Norhafizah Binti Abdullah Hapidshah
Siti Nurhidayah Binti Tarsad
Awang Amirun Bin Awang Mashor

AHLI

ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Mejar (U) Pengiran Hafiz bin Kapt. Abdul Kadin Jadni

PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI

ASP Muhammad Adzimin

JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI

Haji Akzam Syukri DP Haji Adnan

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT

Awangku Pengiran Ali

JABATAN PENERBANGAN AWAM

Awang Hafizul bin Hj Hamid

JABATAN KERJA RAYA

Ahmad Nazri Haji Sabtu
Awang Muhammad Asri Akmal Bin Haji Suhip
Dayang Farhanah Haji Abdul Wahab
Awang Haji Mohamed bin Haji Luidin
Awang Azrin Bin Jaludin
Awang Muhd Hamdi Bin Hj Tengah
Awang Lim SiiLian @CiLian Lim

BADAN BERKUASA MARITIM DAN PELABUHAN (MPABD)

Awang Haji Ahmad Sulaiman bin Haji Junit

JABATAN PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN ELEKTRIK

Awang Faizaly Farimi

Awang Muhammad Sabri Sulaiman

JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI

Dayangku Haryanti binti Pengiran Haji Petra

Awang Mohamad Ramzan bin Rahman

JABATAN PERIKANAN

Awang Muhammad Azizi Mahali

JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Awang Haji Bahrin bin Haji Ahad

Awang Firdaus bin Johari

SAFETY, HEALTH AND ENVIRONMENT NATIONAL AUTHORITY (SHENA)

Awang Haji Nordin bin Haji Ahmad

Awang Aldrin Jalong Baring Anak Melayu

BRUNEI CLIMATE CHANGE SECRETARIAT

Awangku Liyaqat Zhahierul Haq Pengiran Hj Zulkarnain

Dayang Hajah Nur Liyana Haji Ramlee

PERSATUAN BULAN SABIT MERAH BRUNEI DARUSSALAM (BRC)

Awang Muhammad Amirulrizal bin Makmun

Awang Mohamad Hilhamd Bin Haji Johari

Mej (B) Md Sukrin Sufian Bin Hj Md Suni

JABATAN PERHUTANAN

Dayang Miza Farzana Binti Abdul Ghani

Pengiran Haji Mohammad Fayyadh Zaidani

JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM (BDMD)

Awang Shahalmie bin Haji Emran

Dayang Siti Nur Marlina Osman

PUSAT DAKWAH ISLAMIAH

Dayang Latifah

DOA MENOLAK BENCANA HIMPUNAN DOA MENGHINDARI DAN MENANGANI PELBAGAI BENCANA

DOA SEBAGAI BENTENG DAN PENJAGAAN

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّيْ، لَا اِلَهَ اِلَّا اَنْتَ، عَلَيْكَ تَوَكَّلْتُ وَ اَنْتَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيْمِ، مَا شَاءَ اللهُ كَانَ وَمَا لَمْ يَشَأْ لَمْ يَكُنْ، لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ، اَعْلَمُ اَنَّ اللهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ، وَاَنَّ اللهَ قَدْ احَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا، اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ نَفْسِيْ وَمِنْ شَرِّ كُلِّ دَابَّةٍ اَنْتَ اَخِذُ بِنَاصِيَتِهَا اِنَّ رَبِّيْ عَلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيْمٍ

Maksudnya:

Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada Tuhan kecuali Engkau. Hanya kepada-Mu aku bertawakal. Engkaulah Tuhan pemilik Arasy yang agung. Apa saja yang dikehendaki Allah pasti terjadi dan apa saja yang tidak dikehendaki-Nya pasti pula tidak akan terjadi. Tidak ada daya dan tidak pula ada kekuatan kecuali dengan (izin) Allah, Yang Maha Tinggi, Yang Maha Agung. Aku sedar bahawa Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu dan sesungguhnya ilmu Allah meliputi segala sesuatu. Ya Allah! Sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu daripada kejahatan diriku dan daripada kejahatan segala yang melata yang sebenarnya rohnya dalam pegangan-Mu. Sesungguhnya Tuhanku di atas jalan yang (selalu berbuat adil).

DOA APABILA MELIHAT AWAN MENDUNG

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّهَا

Maksudnya:

Ya Allah! Sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari kejahatan awan ini.

DOA KETIKA ANGIN BERTIUP KENCANG

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِ هَذِهِ الرِّيْحِ، وَخَيْرِ مَا فِيْهَا، وَخَيْرِ مَا اُمِرْتُ بِهِ، وَنَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ هَذِهِ الرِّيْحِ وَشَرِّ مَا فِيْهَا وَشَرِّ مَا اُمِرْتُ بِهِ

Maksudnya:

Ya Allah! Sesungguhnya kami memohon kepada-Mu kebaikan angin ini, kebaikan yang terkandung di dalamnya, dan kebaikan yang diperintahkan kepada angin. Kami berlindung kepada-Mu dari kejahatan angin, kejahatan yang terkandung di dalamnya, dan kejahatan yang diperintahkan kepada angin.

DOA MENDENGAR SUARA GURUH

اَللّٰهُمَّ لَا تَقْتُلْنَا بِغَضَبِكَ، وَلَا تُهْلِكْنَا بِعَذَابِكَ، وَعَافِنَا قَبْلَ ذَلِكَ

Maksudnya:

Ya Allah! Janganlah Engkau membunuh kami dengan kemurkaan-Mu dan jangan pula membinasakan kami dengan azab-Mu, serta selamatkanlah kami sebelum kejadian itu.

DOA APABILA TURUN HUJAN

اَللّٰهُمَّ صَيِّبًا نَافِعًا

Maksudnya:

Ya Allah! Jadikanlah hujan yang bermanfaat.

اَللّٰهُمَّ حَوَالَيْنَا وَلَا عَلَيْنَا عَلَى الْاَكَامِ وَالظُّرَابِ، وَبُطُونِ الْاَوْدِيَةِ، وَمَنَابِتِ الشَّجَرِ

Maksudnya:

Ya Allah! Biarkanlah hujan itu turun di sekeliling kami sahaja dan bukan di atas kami, biarkanlah ia turun di hutan-hutan dan bukit-bukit kecil, di lembah-lembah yang dalam dan di tempat-tempat tumbuhan kayu.

DOA APABILA HUJAN TURUN TANPA HENTI-HENTI YANG BOLEH MENYEBABKAN BANJIR/TANAH RUNTUH DAN SEBAGAINYA

اَللّٰهُمَّ حَوَالَيْنَا وَلَا عَلَيْنَا، اَللّٰهُمَّ عَلَى الْاَكَامِ وَالْظِّرَابِ وَبُطُونِ الْاَوْدِيَةِ، وَمَنَْابِتِ الشَّجَرِ

Maksudnya:

Ya Allah! Biarkanlah hujan turun itu di sekeliling kami sahaja dan bukan di atas kami.
Ya Allah! Biarkanlah ia turun di hutan-hutan dan bukit-bukit kecil, di lembah-lembah yang dalam dan di tempat-tempat tumbuhan kayu.

DOA MEMOHON KETABAHAN HATI

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَسْأَلُكَ الثَّبَاتَ فِيْ الْاَمْرِ وَاسْأَلُكَ عَزِيْمَةَ الرُّشْدِ وَاسْأَلُكَ شُكْرَ نِعْمَتِكَ وَحُسْنَ عِبَادَتِكَ
وَاسْأَلُكَ لِسَانًا صَادِقًا وَقَلْبًا سَالِمًا وَاسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِ مَا تَعْلَمُ وَاَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا تَعْلَمُ
وَاسْتَغْفِرُكَ مِمَّا تَعْلَمُ اِنَّكَ اَنْتَ عَلَامُ الْغُيُوْبِ

Maksudnya:

Ya Allah! Aku mohon kepada-Mu ketabahan hati dalam urusan ini, aku mohon kepada-Mu ketetapan pada jalan yang benar, aku mohon kepada-Mu untuk dapat mensyukuri nikmat-Mu dan beribadah kepada-Mu dengan baik, aku mohon kepada-Mu lidah yang benar dan hati yang baik, aku mohon kepada-Mu kebaikan yang Engkau ketahui dan aku minta perlindungan dari keburukan yang Engkau ketahui, aku mohon ampun dosa yang Engkau ketahui, Engkau Maha Mengetahui yang ghaib.

DOA MENYERAHKAN NASIB SELURUHNYA KEPADA ALLAH

اَللّٰهُمَّ اَسَلَمْتُ وَجْهِيْ اِلَيْكَ وَفَوَضْتُ اَمْرِيْ اِلَيْكَ رَغْبَةً وَرَهْبَةً اِلَيْكَ لَا مَلْجَا وَلَا مَنَاجَا مِنْكَ اِلَّا اِلَيْكَ اَمَنْتُ بِكِتَابِكَ الَّذِيْ اَنْزَلْتَ وَنَبِيِّكَ الَّذِيْ اَرْسَلْتَ

Maksudnya:

Ya Allah! Aku serahkan diriku kepada-Mu dan aku serahkan urusanku kepada-Mu dengan penuh harapan dan rasa takut kepada-Mu, tidak ada tempat pengongsian dan tidak ada tempat untuk menyelamatkan diri dari siksa-Mu selain kepada-Mu, aku beriman kepada kitab-Mu yang Engkau turunkan dan kepada Nabi-Mu yang Engkau utus.

DOA MOHON DIHINDARKAN DARIPADA KECELAKAAN

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَعُوْذُ بِكَ مِنْ جَهْدِ الْبَلَاءِ وَدَرْكِ الشَّقَاءِ وَسُوْءِ الْقَضَاءِ

Maksudnya:

Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari kengerian bala, menemui kesengsaraan dan ketentuan yang buruk.

DOA MEMOHON KESABARAN DAN RASA TENANG DI DALAM MENGHADAPI KESAKITAN

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ. رَبَّنَا اَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَتَوَقُّنَا مُسْلِمِيْنَ

Maksudnya:

Cukuplah Allah untuk (menolong) kami dan Dia sebaik-baik Pengurus (yang terserah kepada-Nya segala urusan kami). Wahai Tuhan kami! Limpahkanlah kesabaran kepada kami, dan matikanlah kami dalam keadaan Islam (berserah bulat-bulat Kepada-Mu).

1. BANTUAN KECEMASAN

Prinsip Pertolongan Cemas

1. Memastikan persekitaran yang selamat.
2. Memelihara /melindungi nyawa selamat.
3. Mencegah kecederaan atau sakit menjadi teruk.
4. Membantu pemulihan.
5. Memberikan keselesaan kepada mangsa

1.1 Pendarahan (*Bleeding*)

Pendarahan atau hemoraj ialah darah yang mengalir keluar daripada pembuluh darah.

Bagaimana Menghentikan Pendarahan

Tatacara merawat:

1. Cara utama ialah mengenakan tekan langsung (*direct Pressure*).
2. Cuci tangan biskita dengan air atau cecair antiseptik dan memakai sarung tangan sebelum merawat.
3. Letakkan kain bersih diatas luka sebelum memberi tekanan.
4. Beri tekanan langsung diatas permukaan kain dengan menggunakan jari-jemari dan telapak tangan.
5. Balut bahagian luka dengan roller bandage atau lekat plaster.
6. Bawa mangsa ke hospital atau pusat kesihatan yang berhampiran.

Peringatan:

Jangan gunakan cara ini jika terdapat benda asing dalam luka jika tulang disyaki patah

1.2 Luka Akibat Kebakaran dan Melecuran (*Burn Injuries*)

Luka akibat kebakaran dan melecur adalah kecederaan pada tisu yang disebabkan oleh kepanasan bahang api, bahan-bahan kimia atau pancaran radiasi.

Ada berapa jenis tahap kebakaran? Ada Tiga Jenis Tahap Kebakaran (beserta Lampiran gambar)

1. Kebakaran darjah pertama (kemerah-merahan pada kulit)
2. Kebakaran darjah kedua (terdapat gelembung di tempat yang terbakar)

3. Kebakaran darjah ketiga (kulit akan berwarna kehitam-hitaman)

Tatacara merawat:

1. Letakkan bahagian yang terbakar di bawah aliran air sejuk sekurang-kurangnya 20 minit.
2. Tutup bahagian yang tercedera dengan menggunakan plastik dan bukan kain supaya luka tidak melekat.
3. Jangan gunakan losyen, minyak atau sebagainya pada bahagian yang tercedera.
4. Jangan pecahkan bahagian kulit yang melecur (*blister*) atau tanggalkan benda-benda yang melekat pada bahagian terbabit.
5. Sila bawa mangsa ke pusat kesihatan atau hospital yang berdekatan untuk rawatan lanjut.

Lampiran Gambar

1.3 Tulang Patah atau Retak (*Fractures*)

Tulang patah atau retak melibatkan tulang yang patah atau retak sama ada menyebabkan luka terbuka di bahagian kulit atau tidak.

Ada beberapa tanda yang menunjukkan seseorang itu mengalami kepatahan tulang;

- Rasa sakit.
- Bahagian yang cedera tidak dapat digerakkan.
- Bahagian yang cedera mempunyai bentuk atau kedudukan yang luar biasa.
- Bengkak atau lebam.
- Kehilangan daya tenaga.
- Kelihatan luar biasa atau kependekan pada ukuran anggota.

Tatacara merawat: (Bahagian Lengan yang Patah atau Retak)

1. Beri rawatan di tempat kejadian. Elakkan daripada pergerakan yang tidak perlu dengan menggunakan kayu, kadbod atau sebagainya sebagai splin (*splint*).
2. Simpan splin di bawah lengan dan ikat di atas dan bawah bahagian yang cedera seperti gambar rajah di bawah.

Lampiran Gambar

Peringatan:

Jika terdapat pendarahan atau kesesakan pernafasan hendaklah ianya dirawat terlebih dahulu sebelum merawat tulang yang patah atau retak.

Tatacara merawat: (Bahagian kaki yang Patah atau Retak)

1. Simpan splin di bahagian bawah kaki yang cedera bagi mengelakkan ianya bergerak.
2. Buat ikatan asas iaitu di buku lali dan lutut kemudian ikat diatas dan di bawah bahagian yang cedera.
3. Jika sekiranya tidak terdapat splin biskita boleh menggunakan kaki yang satu lagi sebagai splin dengan menyimpan sesuatu yang lembut di antara kedua-dua belah kaki seperti tuala di buku lali dan lutut.
4. Buat ikatan asas iaitu di buku lali dan lutut kemudian ikat di atas dan di bawah bahagian yang cedera.

1.4 Memindah Pesakit Tanpa Usungan (*Moving Casualty without Stretcher*)

Teknik ini boleh membantu memindahkan mangsa yang terpaksa dipindahkan tanpa menggunakan sebarang alat bantu.

Mangsa boleh berjalan dengan bantuan (Beserta Lampiran gambar)

Tatacara Menongkat

1. Cara ini digunakan untuk membawa mangsa yang masih sedar dan boleh berjalan dengan sedikit bantuan.
2. Pegang erat pinggang mangsa dan gunakan bahu biskita untuk menongkat tangannya, sementara dia meletakkan berat badannya pada badan biskita.

1.5 CPR (*Cardio- Pulmonary Resuscitation*) bagi Orang Dewasa dan AED (*Adult CPR & AED*)

Tatacaranya:

1. Pastikan Kawasan sekeliling selamat untuk diri biskita, mangsa dan orang ramai.
2. Periksa tahap kesedaran dan lihat pernafasan
 - a. Tepuk ke dua-dua bahu mangsa dan panggil mangsa dengan suara yang lantang di kedua-dua telinga mangsa.
 - b. Lihat pergerakan dada mangsa, sama ada pernafasannya normal ataupun tidak.
 - c. Lakukan kedua-duanya, tidak melebihi dari 10 saat.
 - d. Jika mangsa tidak menunjukkan sebarang tindak balas, telefon pihak ambulans 991 untuk perkhidmatan ambulans dengan

segera (biskita boleh melakukannya sendiri ataupun minta bantuan orang lain).

3. Lakukan tekanan dada (*Compression*)
 - a. Berlutut di sisi mangsa.
 - b. Letak tapak tangan biskita di tengah-tengah tulang dada mangsa dengan menyirat jari-jari biskita.
 - c. Luruskan tangan biskita dan tekan ke bawah sedalam sekurang-kurangnya dua (2) inchi dan lepaskan.
 - d. Lakukan tekanan dada. Biarkan tangan biskita berada di dada mangsa sepanjang anda melakukan tekanan.
 - e. Lakukannya dengan cepat dan dalam dengan kadar tekanan sekurang-kurangnya 100-120 seminit.
4. Teruskan tekanan dada sehingga....
 - a. Terdapat tanda-tanda kehidupan pada mangsa seperti pernafasan yang normal.
 - b. Pihak paramedic telah tiba dan mengambil alih.
 - c. Biskita terlalu letih.
 - d. Kawasan tidak lagi selamat.

Aliran carta (gambar)

5. Penggunaan AED (*Automated External Defibrillator*)

AED digunakan untuk membantu mereka yang mengalami serangan jantung secara tiba-tiba. Ianya adalah alat perubatan yang canggih, namun mudah digunakan. Ianya dapat menganalisa irama jantung dan, jika perlu, memberikan kejutan elektrik, atau *defibrillation*, untuk membantu jantung membina semula irama yang berkesan.

Tatacaranya:

1. Memastikan mod yang dipakai adalah betul bagi orang dewasa atau kanak-kanak 8 tahun keatas yang beratnya melebihi 55 paun.
2. Cuma digunakan bagi pesakit yang;
 - a. Tidak bernafas.
 - b. Tidak memberikan tindak balas atau tidak responsif.
 - c. Tidak sedarkan diri.
3. Biskita boleh meminta bantuan orang lain yang ada di tempat kejadian untuk mengambil AED dan seterusnya membuat panggilan ambulans di talian 991.

4. Setelah AED sampai di tempat kejadian, ikut langkah-langkah seperti berikut;
 - a. Tekan punat 'START'
 - b. Dengar dan ikut gegesan atau perintah suara.
 - c. Tanggalkan pakaian dan pastikan ruang depan badan buka.
 - d. Pasang kedua-dua pelekat AED atau *AED PADS* seperti yang tertera pada gambar.
 - e. Pastikan (bagi orang dewasa; Satu pelekat AED disimpan pada ruang atas kanan badan (dibawah tulang bahu) dan satu pelekat AED di ruang bawah ada kiri (di tepi, beberapa inci dibawah ketiak kiri).
 - f. Pastikan (bagi kanak-kanak 8 tahun keatas): Satu pad diletakkan pada tengah-tengah dada dan satu pelekat AED di bahagian belakang, diantara kedua belah bahu (*in between the two shoulder blades*).
 - g. Pasangkan Kabel AED pada *connector port*.
 - h. Bersedia untuk AED membuat Analisa kepada irama jantung.
 - i. Pastikan tidak ada yang menyentuh pesakit.
 - j. Ucapkan 'Clear' dengan nada suara yang terang dan keras.
 - k. Jika suara perintah memerintahkan ' Shocking Advised', maklumkan kepada semua yang hadir.
 - l. Jangan ada yang menyentuh pesakit.
 - m. Mesin AED akan berbunyi dimana Punat 'Shock" akan berkelip kelip sedia untuk di tekan.
 - n. Buat pemeriksaan akhir untuk memastikan tiada yang menyentuh pesakit.
 - o. Katakan 'Clear' dan terus menekan punat 'Shock'.
 - p. Setelah AED menyampaikan kejutan, atau jika tiada kejutan di nasihatkan, segera mulakan CPR, mulakan membuat tekanan (*compression*).

Lampiran Gambar AED (*Automated External Defibrillator*)

1.6 Tercekik: Sekatan pernafasan orang dewasa yang sedar (*Choking*)

Tercekik adalah tersumbatnya saluran pernafasan disebabkan oleh benda luaran (*foreign object*) seperti makanan atau benda - benda kecil. Saluran pernafasan yang tersumbat sepenuhnya boleh menyebabkan kematian.

Tercekik boleh terjadi apabila ada objek seperti makanan yang tertelan menutup saluran pernafasan yang mengakibatkan mangsa susah untuk bernafas.

1. Perhatikan tanda-tanda tercekik seperti mencengkam leher dengan kedua-dua belah tangan.
 - a. Tanyakan mangsa sama ada dia;
 - I. Tercekik, atau
 - II. Dapat batuk dan bercakap.
 - Jika sekiranya mangsa boleh bercakap dan batuk, biarkan mangsa berusaha untuk mengeluarkannya sendiri.
2. Jika sekiranya mangsa tidak dapat mengeluarkan objek tersebut, bersedia untuk membuat tekanan perut (*abdominal thrust*).

Tatacaranya:

- a. Berdiri dibelakang mangsa.
 - b. Letakkan salah satu daripada kaki biskita di antara kaki mangsa untuk memberi sokongan jika sekiranya mangsa tidak sedarkan diri nanti.
 - c. Buat genggamannya pada salah satu tangan dengan meletakkan ibu jari ke dalamnya.
 - d. Letakkan genggamannya biskita di antara ulu hati (*sternal notch*) dan pusat.
 - e. Tekan genggamannya biskita dengan tapak tangan yang satu lagi secara kedalam dengan kuat (*forceful*) agar benda yang tersekat terkeluar.
 - f. Lakukan ianya secara berulang-ulang sehingga benda yang tersekat terkeluar atau mangsa tidak sedarkan diri.
3. Jika sekiranya mangsa merupakan seorang Wanita yang sarat mengandung ataupun obese, lakukan tekanan dada (*Chest thrusts*).

Tatacaranya:

- a. Berdiri dibelakang mangsa.
 - b. Letakkan salah satu daripada kaki biskita di antara kaki mangsa untuk memberi sokongan jika sekiranya mangsa tidak sedarkan diri nanti.
 - c. Buat genggamannya pada salah satu tangan dengan meletakkan ibu jari ke dalamnya.
 - d. Letakkan genggamannya biskita di tengah-tengah tulang dada dengan meletakkan tangan biskita di bawah ketiak mangsa dan peluk.

- e. Lakukan ianya secara berulang-ulang sehingga benda yang tersekat terkeluar atau mangsa tidak sedarkan diri.

Jika benda lain terkeluar Ketika mangsa masih sedar diri, nasihatkan mangsa untuk membuat rawatan lanjut di Pusat Kesihatan atau hospital berhampiran

Jika mangsa tiba-tiba tidak sedarkan diri Ketika biskita cuba menyelamatkan;

1. Telefon pihak ambulan 991 untuk perkhidmatan ambulans dengan segera atau mengarahkan penyelamat kedua atau orang awam melakukannya.
2. Mulakan CPR (sila rujuk Topik 1.5. CPR bagi Orang Dewasa & AED).

1.7 Posisi Pemulihan (*Recovery Position*)

Posisi pemulihan hanya dilakukan jika mangsa tersebut;

- Tidak sedarkan diri
- Mempunyai pernafasan yang normal, dan
- Tidak mempunyai sebarang kecederaan.

International Liaison Committee on Resuscitation (ILCOR) tidak menetapkan satu Teknik khusus, walaubagaimanapun terdapat enam prinsip yang harus diikuti seperti berikut;

1. Mangsa hendaklah dibaringkan ke posisi 9 (menyinding) dengan kepala terdongak sedikit agar saluran pernafasan terbuka dan cecair boleh keluar dengan sendirinya.
2. Posisi tersebut hendaklah dalam keadaan stabil sehingga mangsa tidak akan tertelentang Kembali.
3. Sebarang tekanan pada dada mangsa yang boleh menyekat pernafasan hendaklah dielakkan.
4. Teknik yang digunakan hendaklah mudah dan selamat untuk memposisikan mangsa ke sisi dan menelentangkan tubuh semula tanpa mencederakan mangsa.
5. Pernafasan mangsa hendaklah sentiasa diperhatikan dan diperiksa.
6. Posisi yang digunakan tidak memudaratkan mangsa.

Posisi Pemulihan: (beserta gambar)

	Pastikan tidak ada benda-benda tajam atau yang boleh menyekat perjalanan darah.
	Letakkan tangan yang berhampiran dengan biskita ke 90 darjah.
	Ambil tangan mangsa yang jauh dengan meletakkan tapak tangan ke pipinya.
	Pegang di bawah lutut mangsa dan angkat agar tapak kakinya memijak lantai/tanah.
	Pastikan tapak tangan mangsa sentiasa di pipi dan cuba pusingkan ke arah biskita dengan menarik lutut mangsa
	Pusingkan mangsa secara perlahan sehingga tubuhnya ke posisi menyiring dengan sentiasa memberi sokongan kepala mangsa.
	Aturkan kaki mangsa seperti gambar rajah. Jika perlu aturkan tangan di pipi agar kepala mangsa terdongak dan saluran pernafasan tidak tersekat.
	Mangsa dalam posisi pemulihan.

1.8 Lemas (*Drowning*)

Lemas disebabkan tersumbatnya saluran pernafasan oleh air yang memasuki paru-paru. Ianya boleh air yang memasuki paru-paru. Ianya boleh menyebabkan kematian kerana menyekat penyerapan oxygen ke seluruh badan terutama otak.

Jangan cuba menyelamatkan jika sekiranya nyawa biskita dalam bahaya.

Menyelamat Mangsa Lemas dalam Keadaan Sedar;

1. Beri mangsa alat bantu pelampung (jaket keselamatan, pelampung).
2. Keluarkan mangsa dengan menggunakan payung, tali dan sebagainya.
3. Telefon pihak ambulans 991 untuk perkhidmatan ambulans untuk bantuan selanjutnya.

Menyelamat Mangsa Lemas dalam Keadaan Tidak Sedarkan Diri;

1. Keluarkan mangsa dengan cepat dan selamat dari air.
2. 'Jika biskita mempunyai latihan khas', biskita boleh memulakan memberikan pernafasan Ketika mangsa masih dalam air asalkan ianya tidak melambatkan proses mengeluarkan mangsa dari air.
3. Jangan membazirkan masa untuk cuba mengeluarkan air dengan tujahan di perut atau dada.
4. Tepuk kedua-dua belah bahu mangsa dan panggil mangsa dengan suara lantang di kedua-dua belah telinga mangsa.
5. Lihat pergerakan dada mangsa, sama ada pernafasannya normal ataupun tidak.
6. Lakukan kedua-duanya, tidak lebih daripada 10 saat.
7. Jika mangsa tidak menunjukkan sebarang tindak balas arahkan orang untuk menelefon pihak ambulans 991 untuk perkhidmatan ambulans dengan segera.
8. Mulakan CPR (sila rujuk Topik: 1.5. CPR bagi orang dewasa & AED)

Peringatan:

Telepon ambulans 991 untuk perkhidmatan ambulans selepas melakukan CPR selama 2 minit jika belum diaktifkan.

1.9 Kejutan Elektrik (*Electrical Shock*)

Kejutan elektrik boleh menyebabkan kematian, kecederaan dan kebakaran. Ianya boleh dikurangkan dengan mengambil langkah - langkah berikut;

- a. Tutup suis elektrik atau arahkan orang lain melakukannya.
- b. Mengasingkan mangsa daripada aliran elektrik yang masih hidup.
- c. Gunakan sarung tangan getah,kayu,kasut but,pakaian kering atau sebagainya untuk menyelamatkan mangsa daripada sumber elektrik.
- d. Pindahkan mangsa jika perlu (*Info dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik*).

Jangan Cuba Menyelamat jika Sekiranya Nyawa Biskita dalam Bahaya;

1. Mangsa dalam keadaan Sedar.
Sila bawa mangsa ke Jabatan Kemalangan dan kecemasan di hospital yang berdekatan bagi rawatan dan pemeriksaan lanjut.
2. Mangsa dalam keadaan Tidak Sedarkan Diri.
Mulakan CPR (Sila rujuk Topik: 1.5. CPR bagi orang Dewasa & AED)

1.10 Pertolongan Cemas Psikologi (*Psychological First Aid*)

Merupakan kaedah untuk membantu orang ketika mereka berada dalam kesusahan dan membantu mereka berasa tenang dan dibantu dalam menghadapi cabaran mereka.

Ianya menangani kedua-dua keperluan emosi dan sosial individu, untuk memperkasakan orang untuk menggunakan sumber kekuatan mereka sendiri, meningkatkan daya tahan dan membuat keputusan yang baik.

Kemahiran pertolongan cemas psikologi melibatkan mengetahui:

- a. Cara menilai sesuatu situasi.
- b. Corak tindak balas biasa terhadap krisis.
- c. Cara selamat mendekati orang dalam kesusahan.
- d. Bagaimana untuk kekal tenang dan untuk menguruskan emosi yang melampau apabila diperlukan.
- e. Bagaimana untuk memberikan sokongan emosi dan bantuan praktikal.

Tiga prinsip Tindakan: LIHAT, DENGAR dan PAUT.

LIHAT

- a. Maklumat tentang apa yang telah berlaku dan sedang berlaku.
- b. Siapa yang memerlukan bantuan?
- c. Risiko keselamatan dan keselamatan.
- d. Kecederaan fizikal.
- e. Keperluan asas dan praktikal segera.
- f. Reaksi emosi.

DENGAR

Merujuk kepada cara pembantu:

- a. Mendekati seseorang.
- b. Memperkenalkan diri.
- c. Memberi perhatian dan mendengar secara aktif.
- d. Menerima dan memahami perasaan orang lain.
- e. Menenangkan orang yang dalam kesusahan.
- f. Bertanya tentang keperluan dan kebimbangan.
- g. Membantu orang yang dalam kesusahan mencari penyelesaian kepada keperluan dan masalah segera mereka.

PAUT

Membantu orang:

- a. Akses kepada maklumat.
- b. Berhubung dengan orang tersayang dan sokongan sosial.
- c. Menangani masalah yang praktikal.
- d. Akses kepada perkhidmatan dan bantuan lain.

Peristiwa Traumatik Gangguan Mental

Peristiwa traumatik melibatkan pendedahan kepada ancaman kematian, kecederaan serius atau keganasan. Contoh peristiwa sedemikian termasuk kemalangan teruk, kebakaran, rompakan, serangan fizikal, serangan pengganas, bencana alam dan sebarang bentuk keganasan seksual dan jantina.

Intervensi berikut disyorkan untuk menyokong mereka yang pernah mengalami peristiwa traumatik:

- a. Terlibat dalam perbualan.
- b. Dengarkan kebimbangan orang itu.
- c. Tawarkan sokongan empati.
- d. Kekalkan hubungan selagi pembekal pertolongan cemas boleh dan menenangkan orang yang dalam kesusahan.
- e. Sambung ke sumber sokongan tambahan atau rangkaian.

Memberi sokongan psikososial boleh membantu semasa atau sejurus selepas peristiwa yang menyedihkan, walaupun dalam hari, minggu, bulan dan bahkan bertahun-tahun selepas peristiwa itu berlaku.

1.11 Triage

Triage ialah istilah yang digunakan untuk proses mengklasifikasikan pesakit di tempat kejadian mengikut keterukan kecederaan mereka untuk menentukan berapa cepat mereka memerlukan penjagaan.

Triage ialah sistem yang membolehkan menetapkan keutamaan untuk penjagaan dan pengangkutan untuk menyelamatkan sebanyak mungkin nyawa

Lampiran Aliran Carta

2. RANCANGAN TINDAKAN AWAM

2.1 Beg Kecemasan

Biskita harus menyediakan kelengkapan asas kecemasan seperti berikut:

- Pita Pelekat (Masking tape)
- Beg-beg sampah atau kepingan plastik yang besar.
- Termasuklah barang-barang seperti berikut:

Peralatan Pertolongan Cemas (*First Aid Kit*), lampu suluh (*torch light*), dian /lilin, pemetik api (*lighter*), radio dan lain lain

Lampiran Aliran Carta

2.2 Amaran Awam

Tips Memandu Dengan Selamat Bagi Setiap Senario Cuaca

Lampiran Gambar

Memandu Ketika Hujan

- Perlahankan kenderaan dan patuhi had laju;
- Hidupkan lampu kenderaan awda, walaupun pada hari siang;
- Jangan menggunakan jalan yang terjejas dengan banjir sekiranya awda tidak mengetahui kedalaman air tersebut;
- Menekan brek dengan perlahan bagi mengelakkan kenderaan awda tergelincir;
- Periksa brek dan pedal gas kenderaan selepas melepasi kawasan banjir;
- Memberi perhatian yang lebih pada pemanduan awda terutamanya ketika menukar lorong atau melalui selekoh yang tajam.

Memandu Ketika Angin Kencang

- Perlahankan kenderaan dan patuhi had laju;
- Tahu dari mana hala angin tersebut datang untuk mengelakkan awda memandu ke arah yang salah;

- Beri perhatian sepenuhnya kepada cara pemanduan awda terutamanya melalui bukit yang curam;
- Cuba untuk tidak memandu bersebelahan dengan trak, treler dan motosikal. Kenderaan tersebut dapat menghasilkan angin yang dapat menjejaskan pemanduan awda;
- Elakkan dari mengambil sudut dan selekoh yang tajam.

Memandu Ketika Panas Terik

- Perlahankan kenderaan dan patuhi had laju;
- Jika penutup matahari tidak mencukupi, adalah lebih baik untuk menyimpan penghalang matahari simpanan di dalam kereta awda;
- Pastikan cermin kereta awda bersih;
- Kerap memeriksa tolok suhu kereta awda bagi mengelakkan panas yang keterlaluan;
- Jangan sesekali meninggalkan anak awda ataupun haiwan peliharaan di dalam kereta semasa meletakkan kereta; suhu kenderaan awda boleh meningkat dengan cepat.

Memandu Ketika Kabus Tebal

- Perlahankan kenderaan dan patuhi had laju;
- Hidupkan lampu kereta awda dan berwaspada terhadap orang dan bahaya yang ada disekeliling ketika memandu;
- Jangan menggunakan lampu *high beam* kenderaan awda;
- Mengekalkan jarak yang selamat antara kereta awda dan kereta di hadapan;
- Gunakan garisan yang terdapat di jalan raya sebagai panduan awda ketika memandu.

Kod Amaran Cuaca Berwarna

BDMD menggunakan Kod Amaran Cuaca Berwarna untuk memberi amaran awal kepada orang ramai dan agensi-agensi berkenaan mengenai keadaan cuaca aktif/ekstrim yang berpotensi untuk mengakibatkan kerosakan harta benda dan memberi gangguan serius kepada aktiviti harian orang awam.

Amaran untuk cuaca hujan, berangin dan berpetir akan dikeluarkan mengikut kategori kod warna tertentu yang tertakluk kepada tahap intensiti cuaca aktif/ekstrim yang dijangka akan berlaku serta kesan bencana yang boleh berlaku disebabkan oleh kejadian cuaca aktif/ekstrim tersebut.

Apakah yang perlu awda lakukan semasa cuaca aktif/ekstrim?

Awda perlu mengetahui risiko dan kesan bencana yang boleh berlaku, serta langkah-langkah yang perlu diambil.

Apakah makna warna tersebut?

Keterangan ringkas bagi setiap Peringkat Kod Amaran Cuaca Berwarna
Lampiran Gambar

Peringkat Kuning: Berwaspada

KESAN YANG BOLEH BERLAKU

1. Banjir kilat boleh terutama di kawasan rendah & berdekatan tebing sungai.
2. Hujan lebat boleh mengurangkan jarak penglihatan.
3. Jalan raya menjadi licin & terdapat takungan air.
4. Risiko sambaran petir.
5. Dahan-dahan pokok yang bersaiz besar boleh bergoyang akibat tiupan angin.

NASIHAT

1. BERWASPADA & sentiasa mengikuti maklumat cuaca terkini.
2. BERWASPADA apabila dalam perjalanan atau melakukan aktiviti luar.
3. Para pemandu disarankan untuk berhati-hati & mematuhi had laju.
4. Berhati-hati dengan serpihan yang berkemungkinan berterbangan disebabkan tiupan angin.
5. Awasi kanak-kanak & jangan biarkan mereka bermain air banjir atau berdekatan sungai & longkang besar.
6. Matikan semua peralatan elektronik, seperti komputer & televisyen, kerana ia boleh rosak akibat disambar petir.
7. Apabila berada di luar rumah, carilah tempat berlindung sementara semasa ribut petir berlaku. Elakkan dari berada di kawasan terbuka, kawasan tinggi, di bawah pokok atau di dalam khemah.

Peringkat Jingga: Bersedia

KESAN YANG BOLEH BERLAKU

Termasuk Kesan Yang Boleh Berlaku 1-4 dari Peringkat Kuning

1. Dahan-dahan pokok yang bersaiz besar boleh patah akibat tiupan angin yang kuat.
2. Gangguan bekalan elektrik boleh berlaku di kawasan-kawasan terjejas.
3. Papan tanda yang tidak teguh binaannya boleh tumbang.
4. Kejadian tanah susur boleh berlaku.

5. Kerosakan kecil boleh berlaku pada struktur rumah atau banjir, tanah susur atau akibat tiupan angin yang kuat.

NASIHAT:

Termasuk Nasihat 3-7 dari Peringkat Kuning

1. BERSEDIA & ambil langkah berjaga-jaga. Pastikan terus mengikuti maklumat cuaca terkini.
2. BERSEDIA kerana aktiviti harian awda boleh terjejas.
3. BERSEDIA untuk melindungi diri, keluarga dan harta benda.
4. Jika keadaan cuaca tidak mengizinkan untuk terus memandu, dinasihatkan untuk berhenti di lokasi yang selamat & berjauhan dari pokok-pokok. Nyalakan lampu kecemasan kenderaan sebagai isyarat bagi para pemandu yang lain.
5. Jika awda menetap di kawasan yang sering kali mengalami banjir, awda dinasihatkan untuk memindahkan benda-benda berharga termasuk kenderaan ke tempat yang lebih selamat.

Peringkat Merah: Bertindak

KESAN YANG BOLEH BERLAKU

Termasuk kesan yang boleh berlaku 2-4 dari Peringkat Kuning & Kesan Yang Boleh Berlaku 2-3 dari Peringkat Jingga.

1. Banjir meluas boleh berlaku khususnya di kawasan rendah & berdekatan sungai.
2. Pokok yang bersaiz besar boleh patah atau tumbang akibat tiupan angin yang kuat.
3. Risiko kejadian tanah susur adalah tinggi semasa hujan lebat berterusan.
4. Aktiviti-aktiviti luar (termasuk aktiviti laut) adalah tidak selamat.
5. Kerosakan besar boleh berlaku pada struktur rumah atau bangunan berpunca dari banjir, tanah susur atau akibat tiupan angin yang kuat.

NASIHAT

Termasuk Nasihat 4-7 dari Peringkat Kuning & Nasihat 5 dari Peringkat Jingga

1. BERTINDAK segera kerana gangguan serius boleh menjejaskan aktiviti harian awda.
2. BERTINDAK segera untuk melindungi diri, keluarga & harta benda.

3. Pastikan terus mengikuti maklumat cuaca terkini & patuhi setiap arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dalam apa jua keadaan demi kebaikan bersama.
4. Para pemandu disarankan untuk berhati-hati & mematuhi had laju. Gunakan laluan alternatif sekiranya laluan utama dibanjiri. Jangan cuba untuk meredah jalan raya yang ditenggelami oleh banjir.
5. Ketika cuaca bertambah buruk, bertenang & berlindung di dalam rumah. Elakkan dari membuat sebarang aktiviti luar. Sekiranya memerlukan bantuan kecemasan, hubungi hotline kecemasan & beri keterangan dengan lengkap & betul.

Angin yang Kita Rasai

Lampiran Gambar

- Angin Silir 6 - 11 km/j
- Angin Lembut- Sederhana 12 - 30km/j
- Angin Kencang Berwaspada 39-50 km/j
- Bebadai Bersedia-sedia 51-60km/j
- Bebadai Kencang Ambil Tindakan 61-86 km/j
- Ribut Ganas Ambil Tindakan >86km/j

Nasihat Cuaca

Nasihat Cuaca dikeluarkan sebagai panduan dan nasihat untuk orang ramai dan agensi-agensi berkenaan mengenai kemungkinan berlakunya keadaan cuaca aktif dan tidak menentu yang boleh berterusan selama beberapa hari.

Sebagai contoh, Nasihat Cuaca akan dikeluarkan jika cuaca seperti sistem ribut tropika atau taufan dikesan membentuk dirantau kita dan berpotensi untuk menjejaskan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Setelah Nasihat Cuaca dikeluarkan, BDMD akan terus memantau perkembangan keadaan cuaca berkenaan dan mengemaskini maklumat kepada orang ramai. Oleh yang demikian, orang ramai dan juga agensi-agensi berkenaan perlulah mengikuti ramalan dan maklumat cuaca terkini yang dikeluarkan oleh BDMD.

Memahami Nasihat Cuaca Dan Amaran Cuaca

Nasihat Cuaca akan dikeluarkan apabila keadaan cuaca aktif/ekstrim dijangka berpotensi menjejaskan NBD di dalam tempoh masa tertentu.

Apabila potensi kejadian cuaca aktif/ekstrem meningkat dan dijangka akan memberi kesan dan risiko bencana kepada NBD, maka Kod Amaran Cuaca Berwarna akan dikeluarkan dengan segera.

Amaran Cuaca Berwarna hanya akan dikeluarkan apabila ada keyakinan yang tinggi bahawa cuaca aktif/ekstrem akan berlaku dan boleh menyebabkan risiko bencana.

Sebarang Amaran Cuaca yang dikeluarkan oleh BDMD boleh dinaik taraf dari segi peringkat warna iaitu apabila intensiti cuaca dijangka meningkat atau apabila cuaca aktif/ekstrem dijangka berterusan dan boleh memberi kesan bencana yang lebih besar.

Tempoh Amaran Cuaca juga boleh dipanjangkan apabila keadaan cuaca aktif/ekstrem dijangka akan berterusan.

Amaran Cuaca juga boleh diturun taraf dari segi peringkat warna atau dihentikan sama sekali sekiranya keadaan cuaca dijangka beransur menjadi reda dan baik.

Dimanakah Amaran Cuaca & Nasihat Cuaca Dapat Diperolehi?

- BruneiWX and MW Crowd Muat Turun dari *Google Play* dan *Apps Store*
- www.met.gov.bn
- www.facebook.com/bruneiweather
- @bruneiweather

Cara Dari Rangkaian Televisyen & Radio Tempatan Brunei

Lampiran Gambar WX mobile apps: New Features

Orang ramai adalah sangat digalakan untuk sentiasa mengemaskini maklumat cuaca dengan mengakses pelbagai rangkaian platform yang dinyatakan di atas

2.3 Banjir

Banjir atau bah berlaku apabila air menenggelami tempat atau kawasan yang rendah.

2.3.1 Amaran Banjir

- Turunan hujan berlebihan.
- Paras air tinggi atau air pasang yang diluar jangkaan.
- Sungai-sungai atau longkang-longkang tersumbat atau kurang keupayaan.

2.3.2 Apa Perlu Dibuat

- Ketahui tempat-tempat penempatan sementara.
- Simpan air minum dalam kontena bersih dan bekalan pertolongan kecemasan.
- Simpan dokumen-dokumen penting.
- Sentiasa mengambil maklum melalui radio, televisyen mengenai keadaan cuaca dan amaran banjir.

2.3.3 Semasa Banjir

- Pergi ke kawasan yang lebih tinggi dan selamat.
- Jika air semakin naik tolong matikan semua peralatan elektrik.
- Jangan bermain air banjir kerana kemungkinan ada bahaya seperti sengatan binatang, penyakit, aliran kejutan elektrik dan sebagainya.
- Jangan cuba menyeberangi sungai atau longkang yang beraliran deras.
- Jika kenderaan terhenti, tinggalkan tempat itu serta-merta dan cari tempat selamat.
- Hubungi 995 untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk meminta bantuan dan ikuti perkembangan terkini.

2.3.4 Sesudah Banjir

- Kembali ke rumah apabila sudah diumumkan selamat.
- Jangan terus masuk ke dalam rumah sehingga semuanya dipastikan selamat daripada bahaya.
- Gunakan air bersih.
- Beri bantuan untuk menyusun kembali barang-barang yang dipindahkan

2.3.5 Hindarikan Perkara Berikut

- Jangan meminum air banjir.
- Jangan menyentuh mana-mana kabel atau wayar elektrik yang jatuh.
- Jangan dibiarkan kanak-kanak bermain berhampiran longkang atau sungai.

2.3.6 Jika Biskita Berada di Dalam Kenderaan

- Berjaga-jaga terhadap tanda-tanda banjir dan sentiasa mengikut arahan pihak berkuasa.
- Elakkan memandu ke kawasan jalan yang dilanda banjir jika kurang pasti kedalamannya.
- Jika kenderaan biskita terhenti di kawasan banjir segera tinggalkan dan pergi ke kawasan yang lebih tinggi dan selamat.
- Jangan memandu melalui air banjir yang deras kerana boleh membahayakan biskita.

- Hubungi 995 untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat atau 993 untuk Pasukan Polis Diraja Brunei jika memerlukan bantuan.
- Beri isyarat kecemasan seperti melambai atau berteriak.

2.3.7 Jika Biskita Berada di Atas Jalan Raya

- Ikut panduan papan tanda dan amaran paras air banjir.
- Tunggu di tempat tinggi atau tempat tidak ditenggelami air sehingga penyelamat sampai ke tempat kejadian.
- Sila hubungi 140 untuk Pusat Pemeduliaan Pelanggan JKR dan 995 untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk melaporkan banjir yang terjadi.
- Jangan mendekati atau menyentuh tiang-tiang elektrik, kotak suis elektrik (*feeder pillar*) yang ditenggelami air, dikuatiri ada kebocoran arus (*electric current leakage*).

2.3.8 Prosedur Pengurusan Elektrik Sebelum Berlakunya Banjir

- Bagi kawasan atau rumah yang kerap kali dilanda banjir, pastikan bekalan elektrik ke rumah awda ditutup dengan segera melalui penutupan pensuisan utama (MCB).
- Pindahkan peralatan elektrik rumah awda ke tempat yang selamat (melebihi paras air) bagi mengelakkan kerosakan kepada peralatan elektrik.
- Memastikan diri dan keluarga awda berada di tempat yang selamat atau berpindah ke tempat yang diarahkan oleh pihak berkuasa.

2.3.9 Prosedur Pengurusan Elektrik Semasa Berlakunya Banjir

- Jangan menutup bekalan elektrik melalui pensuisan utama (MCCB) jika air telah masuk ke dalam rumah.
- Jangan masuk ke ruang atau bilik yang dimasuki air dan diketahui masih terdapat bekalan api elektrik.
- Dilarang mendekati tiang-tiang dan substesen elektrik yang ditenggelami air.

2.3.10 Prosedur Pengurusan Elektrik Setelah Banjir Reda

- Jangan menggunakan peralatan elektrik yang telah ditenggelami air.
- Memastikan peralatan barang elektrik di dalam keadaan kering dan selamat untuk digunakan.
- Sebelum menghidupkan semula bekalan kerumah awda, sila pastikan pendawaian di kedamaian awda telah diperiksa dan selamat untuk digunakan.
- Untuk keterangan lanjut sila hubungi Talian Darussalam 123.

2.3.11 Tip Keselamatan Elektrik Semasa Berlaku Banjir

- Elakkan daripada menggunakan peralatan elektrik.
- Tutup suis utama kuasa elektrik di papan suis utama (MCCB) dan elakkan menutup suis tersebut jika air telah masuk ke dalam rumah.
- Jangan menghampiri tiang-tiang dan substesen elektrik yang ditenggelami air banjir.
- Jangan menyentuh peralatan elektrik dengan tangan yang basah.
- Apabila banjir sudah reda, orang ramai dinasihatkan agar tidak menggunakan peralatan elektrik yang pernah ditenggelami air.
- Sebelum menghidupkan semula bekalan utama di rumah awda, orang ramai dinasihatkan untuk mendapatkan khidmat juruteknik elektrik yang bertauliah untuk memeriksa semua pendawaian dan peralatan elektrik.
- Untuk keterangan lanjut sila hubungi Talian Darussalam 123.

2.4 Tanah Susur

Tanah susur merupakan Kejadian Geologikal yang merangkumi sebahagian besar pergerakan tanah, seperti batu jatuh atau kegagalan struktur cerun, lereng bukit, dan besar kemungkinan juga disebabkan oleh hujan berintensiti lebat dalam jangka masa yang lama.

2.4.1 Amaran Tanda-tanda Tanah Susur

- Keretakan baru pada permukaan cerun, jalanraya, dinding penahan tanah, lantai rumah dan lainnya.
- Hakisan atas tanah di kawasan cerun atau lereng bukit.
- Longgokan tanah di permukaan jalan dan kawasan rumah.
- Permukaan tanah yang terturun atau di kaki bukit tanah ter naik (*slip circle failure*).
- Dinding penahan tanah yang condong atau tersasar dari lokasi asal.
- Retakan pada permukaan tanah (*tension crack*)

2.4.2 Sebelum Kejadian

- Keretakan atau bonjolan baru terbentuk pada permukaan cerun, tanah, jalan raya, dinding penahan tanah, lantai rumah dan sebagainya.
- Hakisan atas permukaan cerun dan kawasan lereng bukit.
- Longgokan tanah pada permukaan jalan raya dan kawasan rumah.
- Permukaan tanah yang terturun atau di kaki bukit tanah ter naik.
- Longgang atau struktur penahan tanah yang condong atau tersasar dari kedudukan asal.
- Kemunculan mata air pada permukaan cerun atau dinding penahan.
- Pokok tumbang atau condong dalam satu masa bukan disebabkan oleh ribut.

- Dengar bunyi luar biasa seperti pokok retak & ranting patah (*trees cracking*) atau *boulders knocking together* di kawasan persekitaran.

2.4.3 Semasa Kejadian

2.4.3 (a) Semasa dalam Rumah

- Jangan panik dan bawa bertenang.
- Maklumkan Jiran Biskita.
- Jika selamat melakukannya, matikan bekalan elektrik dan air.
- Dapatkan beg kecemasan dan berpindah ke tempat yang selamat.
- Jika keselamatan mengizinkan.
- Jika biskita atau orang lain terperangkap, hubungi 995 (Jabatan Bomba Dan Penyelamat) untuk bantuan.
- Pergi ke kawasan tempat yang tinggi, kukuh dan lindungi diri di bawah meja atau objek yang kukuh.
- Jika tidak ada tempat perlindungan yang terdekat atau tidak berkesempatan untuk melarikan diri, gulungkan badan dalam bentuk bola dan lindungi kepala.

2.4.3 (b) Semasa di Luar

- Hindari dari mendekati kawasan tanah susur.
- Pergi ke kawasan yang tinggi dan jauhi dari kawasan tanah runtuh atau aliran serpihan atau bangunan struktur yang terjejas.
- Hindari dari mendekati kawasan tanah susur.
- Patuhi nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa.
- Sila hubungi terus ke talian 123 (Talian Darussalam) untuk memaklumkan agensi yang berkenaan.
- Sekiranya batu atau serpihan yang jatuh menghampiri, segera pindah ke tempat perlindungan yang terdekat seperti pokok atau bangunan.
- Jika tidak ada tempat perlindungan yang terdekat atau tidak berkesempatan untuk melarikan diri, gulungkan badan dalam bentuk bola dan lindungi kepala.

2.4.4 Selepas Kejadian

- Jauhi jarak yang selamat dari Kawasan yang terjejas seperti struktur bangunan dan kabel elektrik.
- Hubungi 995 (Jabatan Bomba Dan Penyelamat) untuk meminta bantuan.
- Arahkan pasukan penyelamat ke lokasi mangsa yang cedera dan terperangkap.
- Sebelum memasuki semula kedalam Kawasan terjejas, mendapatkan kebenaran dan ikut arahan dari pihak berkenaan.

- Laporkan kerosakan kepada pihak yang berkenaan di 123 (Talian Darussalam).
- Jika selamat, tutup kawasan yang terjejas dengan menggunakan kanvas secepat mungkin bagi mengurangkan risiko runtuh susulan.
- Gunakan jalan lencongan atau jalan alternatif mengikut arahan.
- Bagi kejadian tanah susur yang berhampiran dengan rumah/bangunan, periksa sebarang kerosakan/keretakan baru pada elemen struktur rumah/bangunan seperti tiang, rasuk, lantai, dinding dan lainnya. Sila pastikan keadaan selamat sebelum kembali ke dalam rumah/bangunan.
- Jika didapati kerosakan/keretakan yang teruk dan membimbangkan, sila pindah ke tempat yang selamat buat sementara waktu.
- Bagi sebarang kerosakan struktur selepas kejadian, sila laporkan kepada pihak yang berkenaan di 123 (Talian Darussalam).

2.4.5 Jika Biskita Berada di atas Jalan Raya

- Jangan dekati tempat kejadian dan patuhi amaran papan tanda yang dipasang.
- Gunakan jalan lencongan atau jalan alternatif mengikut arahan.
- Sila dail 140 untuk Pusat Pemedulian Pelanggan JKR untuk memaklumkan kejadian jalan runtuh.

2.5 Petir

2.5.1 Elakkan Perkara-Perkara Seperti Berikut Semasa Petir

- Elakkan permainan luar.
- Elakkan berenang.
- Jangan keluar rumah.
- Elakkan biskita berada di kawasan terbuka atau tanah tinggi.
- Elakkan biskita menunggang basikal.
- Jangan keluar dari kereta.
- Cari perlindungan.
- Elakkan biskita berada di dalam bangsal atau khemah.
- Elakkan biskita dari berdiri di bawah pokok-pokok tinggi.
- Jauhi struktur-struktur besi.
- Bertolak balik ke pantai.
- Elakkan berenang.

Peringatan: Apabila berlaku ribut petir di kawasan biskita, dapatkan perlindungan di dalam mana-mana bangunan atau kenderaan dan jauhi daripada objek dan perkakas berlogam untuk keselamatan biskita.

2.5.2 Jika Biskita Berada di Dalam Rumah/Bangunan

- Elakkan penggunaan sebarang peralatan elektrik atau telefon kerana ianya dikhuatiri boleh disambar kilat.
- Elakkan penggunaan tab mandi, paip air dan sinki kerana arus elektrik boleh mengalir melalui saluran paip besi.
- Sekiranya perlu, pasanglah radio dan televisyen yang menggunakan kuasa bateri sahaja

2.5.3 Jika Biskita Berada di Luar

- Berlindunglah di dalam bangunan atau kenderaan.
- Jika tiada bangunan berdekatan untuk berlindung, berlindunglah di kawasan rendah seperti dalam parit, longkang, tanah berlekuk dan sebagainya.
- Joran, kayu golf atau sebarang objek panjang amat berbahaya tanpa mengira sama ada ianya diperbuat daripada besi atau sebaliknya.
- Jauhkan diri dari sungai, tasik atau sebarang permukaan air.
- Jika rambut menegak secara tiba-tiba, kemungkinan ia adalah tanda bahawa kilat akan menyambar. Lakukan posisi merangkak dengan lutut dan kedua belah tangan menyentuh tanah supaya arus elektrik dapat mengalir terus ke bawah tanah tanpa melalui jantung.
- Jika biskita sedang berenang atau menaiki bot ketika ada tanda-tanda ribut, kembalilah ke daratan. Sekiranya permukaan air disambar petir, arus elektrik yang disalurkan akan dapat mencederakan biskita.

2.5.4 Jika Biskita Berada di Dalam Kenderaan

- Berhentilah di bahu jalan dan pastikan kenderaan biskita berada jauh dari pokok.
- Terus berada di dalam kenderaan, bertenang dan nyalakan lampu kecemasan sehingga hujan lebat berhenti.
- Elakkan dari melalui jalan-jalan yang ditenggelami air, iaitu banjir.

2.6 Angin Puting Beliung

Angin Puting Beliung adalah angin yang bertiup dengan kencang dengan kekuatan kelajuan di atas 60km/jam. Angin ini biasanya akan membawa hujan yang kuat/deras dan gelombang tinggi di lautan.

2.6.1 Sebelum Kejadian

- Lihat tanda-tanda sebelum angin terjadi seperti awan tebal dan gelap atau petir dari jauh.

2.6.2 Semasa Kejadian

- Jangan panik.

- Bertenang dan bergerak ke tempat yang selamat.
- Jika berada di dalam rumah tutup pintu dan jendela dengan rapat.
- Matikan api dan tutup segala suis elektrik.
- Jauhi tembok, pintu, jendela, almari atau barang-barang yang tidak kukuh.

2.6.3 Selepas Kejadian

- Jangan tinggalkan rumah atau tempat perhimpunan sehingga keadaan dimaklumkan selamat oleh pihak berkuasa.
- Jangan berpisah dengan keluarga biskita

2.7 Tsunami

Tsunami adalah gelombang ombak yang sangat besar umumnya disebabkan oleh gempa bumi yang sangat kuat dan sumber gempanya berada di dasar laut.

2.7.1 Tanda-tanda Tsunami Kemungkinan Terjadi

- Merasakan gegaran bumi dan pergerakan bawah tanah atau berhampiran laut.
- Terdengar bunyi gemuruh sangat kuat di laut.
- Terlihat gelombang tinggi yang berwarna gelap tebal memanjang di dasar laut yang meningkat ketinggian.
- Paras air laut di persisiran pantai surut secara tiba-tiba.
- Binatang-binatang berkelakuan aneh dan menjauhkan diri bertentangan dari kawasan pantai.

2.7.2 Apabila Tsunami Terjadi

- Segera lari ke tempat yang lebih tinggi atau di bangunan tinggi.
- Jangan sekali-kali menghampiri kawasan pantai untuk menyiasat atau menunggu amaran tsunami diberikan.
- Jika biskita dinasihati untuk berpindah, lakukan dengan segera.
- Jika biskita berada di dalam bot atau kapal, segera beredar dari pantai untuk menuju ke kawasan lautan yang lebih dalam.
- Elakkan keluar ke tempat terbuka selepas gelombang pertama bagi mengelakkan gelombang kedua sehingga arahan diberikan oleh pihak berkuasa

2.8 Gegaran Bumi

Gegaran bumi terjadi apabila gempa bumi berlaku, ianya boleh menyebabkan bangunan-bangunan retak dan sebagainya malah boleh mengakibatkan kecederaan apabila suasana panik terjadi. Walau bagaimanapun tidak ada sebarang amaran bila gegaran bumi terjadi.

2.8.1 Sebagai Langkah Berhati-hati Ikuti Panduan Seperti Berikut

2.8.1 (a) Jika Biskita Berada di Dalam Rumah Atau Bangunan

- Bertenang dan jauhi dari tingkap, rak perhiasan, lampu atau benda yang boleh membahayakan biskita dan menyebabkan kecederaan.
- Cari tempat yang paling selamat dari runtuh dan gegaran.
- Berlindung di bawah meja tegap yang dibuat daripada kayu dan bahan-bahan teguh.
- Apabila gegaran berhenti, keluar dan tutup semua peralatan gas dan elektrik, jangan sentuh wayar elektrik yang rosak.
- Jangan gunakan mancis pada nyalaan terbuka kerana mungkin terdapat kebocoran gas disebabkan oleh gegaran bumi.
- Pindah keluar jika anda mampu melakukannya. Sentiasa lindungi kepala ketika keluar dari bangunan/rumah untuk menghindari kemungkinan atap atau sebarang objek yang jatuh.
- Jangan gunakan lif.
- Periksa rumah/bangunan biskita bagi sebarang kerosakan/keretakan baru pada elemen struktur rumah/bangunan seperti tiang, rasuk, lantai, dinding dan lainnya.
- Jika didapati kerosakan/keretakan yang teruk dan membimbangkan, sila pindah ke tempat selamat buat sementara waktu.
- Bagi sebarang kerosakan struktur selepas kejadian, sila laporkan kepada pihak yang berkenaan di 123 (Talian Darussalam).

2.8.1 (b) Jika Biskita Berada di Luar

- Jauhi dari bangunan dan kabel elektrik yang bergantung.
- Jauhi dari kawasan atau bangunan struktur yang terjejas atau mengalami kerosakan.
- Terus berada di kawasan terbuka hingga gegaran berhenti.
- Jika biskita memandu, berhenti secepat mungkin apabila keadaan mengizinkan dan terus berada di dalam kenderaan biskita. Elakkan berhenti berdekatan pokok, bangunan, jambatan, laluan atas atau kabel elektrik yang tergantung.

2.8.1 (c) Jika Diarahkan Untuk Berpindah

- Matikan semua lampu dan peralatan elektrik.
- Tutup semua peralatan gas dan paip air.
- Dapatkan beg kecemasan, kumpul semua ahli keluarga dan pindah ke tempat yang selamat jika keselamatan mengizinkan.
- Kunci rumah biskita jika selamat dilakukan.
- Tinggalkan bangunan dalam keadaan teratur melalui tangga. Jangan gunakan lif.

2.9 Gempa Bumi

Gempa bumi adalah guncangan disebabkan gelombang kuat dari perut bumi. Apabila guncangan ini mencapai ke permukaan bumi ianya akan menyebabkan banyak kerosakan harta benda seperti keruntuhan bangunan yang mengakibatkan kecederaan bahkan kematian. Ianya juga boleh menyebabkan kejadian TSUNAMI jika berlaku di dasar laut. Walau bagaimanapun gempa bumi boleh berlaku tanpa amaran.

2.9.1 Semasa Gempa Bumi Terjadi

- Jangan panik dan bawa bertenang.
- Cari tempat yang selamat dari runtuh dan guncangan.
- Lindungi kepala dan badan anda dari serpihan yang jatuh, lindungi diri di bawah meja atau kawasan yang kukuh.
- Jauhi diri dari dinding, kaca, almari, pokok, tiang elektrik ataupun benda-benda yang boleh roboh.
- Matikan semua suis elektrik dan jangan nyalakan api.
- Pindah keluar jika anda mampu melakukannya.
- Sentiasa lindungi kepala ketika keluar dari rumah/bangunan untuk menghindari kemungkinan atap atau sebarang objek yang jatuh.
- Jangan gunakan lif.
- Patuhi arahan dari pihak berkuasa yang berkenaan.

2.9.2 Jika Biskita Di Lokasi Luar

- Jauhi dari kawasan atau bangunan struktur yang terjejas atau mengalami kerosakan
- Kurangkan pergerakan biskita dan jauhi dari bangunan, lampu jalan dan wayar utiliti.
- Lari ke tempat terbuka sehingga gegaran berhenti.
- Jika biskita memandu:
 - ❖ Berhenti sebaik sahaja keadaan selamat serta mengizinkan dan jauhi dari bangunan, pokok, jejantas dan kabel elektrik.
 - ❖ Terus berada di dalam kenderaan sehingga gegaran berhenti.

2.9.3 Apabila Gempa Bumi Berhenti

- Keluar dengan berhati-hati menuju ke tempat yang selamat.
- Lakukan satu pemeriksaan pantas di kawasan biskita dan pastikan semua orang telah berpindah ke kawasan yang selamat.
- Bantu orang yang tercedera atau terperangkap jika perlu dan hubungi 995 (Jabatan Bomba dan Penyelamat) untuk mendapatkan bantuan.

- Telefon 123 (Talian Darussalam) untuk memaklumkan kejadian gegaran.
- Hindari daripada benda-benda yang merbahaya seperti runtutan, pecahan dan tutup sumber gas dan elektrik.
- Perhatikan tanda-tanda kebakaran; jika terdapat kebakaran kecil, padamkan dengan segera.
- Berhati-hati terhadap talian kuasa yang tumbang atau paip gas yang pecah dan jauhi dari kawasan dan bangunan yang rosak.
- Jangan tergesa-gesa memasuki bangunan yang rosak oleh kerana kejadian gegaran berikutnya mungkin berlaku.
- Terus dapatkan maklumat terkini melalui radio atau alat komunikasi lain.
- Periksa rumah/bangunan bagi sebarang kerosakan/keretakan baru pada elemen struktur rumah/bangunan seperti tiang, rasuk, lantai, dinding dan lainnya.
- Jika didapati kerosakan/keretakan yang teruk dan membimbangkan, sila pindah ke tempat yang selamat buat sementara waktu.
- Bagi sebarang kerosakan struktur selepas kejadian, sila laporkan kepada pihak yang berkenaan di 123 (Talian Darussalam).

2.10 Gangguan Bekalan Elektrik

Berikut ini adalah beberapa langkah persediaan bagi menangani gangguan pada bekalan kuasa.

PERALATAN PENTING

2.10.1 Apa Yang Harus Biskita Buat?

- Keluarkan radio dan lampu suluh yang menggunakan bateri daripada beg kecemasan.
- Hidupkan radio biskita bagi mendapatkan maklumat terkini tentang gangguan bekalan elektrik.
- Hubungi talian 144 untuk Jabatan Perkhidmatan Elektrik untuk aduan dan sebarang pertanyaan
- Melayari laman sesawang melalui aplikasi dan laman sosial seperti Facebook dan Instagram @TD123 (Talian Darussalam) atau menghubungi talian 123 atau melalui email des.enquiries@des.gov.bn.

2.10.2 Kerosakan Lif dan Menyelamat Mangsa

- Hubungi talian 995 untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat jika terjadinya gangguan bekalan elektrik (*blackout*) dan terdapat orang terperangkap.
- Orang awam tidak harus cuba menyelamatkan mangsa yang terperangkap dalam lif kerana mereka tidak terlatih dan tidak mempunyai peralatan yang sesuai bagi usaha menyelamatkan mangsa.

- Mereka yang terperangkap dalam lif harus bertenang, tekan butang kecemasan dalam lif dan tunggu bantuan tiba.

2.10.3 Memandu Ketika Lampu Jalan Raya Gelap

- Pandu dengan perlahan dan tumpukan lebih perhatian pada pengguna jalan raya yang lain.
- Pastikan lampu depan kereta menyala setiap masa.

2.11 Gangguan Bekalan Air

Aduan Gangguan Sistem Bekalan Air

- Lampiran aliran carta

2.12 Jerebu

Jerebu merupakan fenomena atmosfera berlaku apabila debu, asap dan zarah pencemaran lain mengaburi kejelasan langit. Fenomena ini biasanya terjadi jika zarah, debu dan asap berkumpul pada hari yang kering

2.12.1 Apabila Terjadi Jerebu Dengan Bacaan (Pollution Standard Index) PSI 51 ke Atas

Orang ramai dinasihatkan supaya:

- Banyak minum air.
- Segera mendapatkan nasihat perubatan di hospital-hospital atau pusat-pusat kesihatan yang berhampiran jika perlu.
- Lampiran carta jadual.

Sebelum Kejadian:

- Sebelum membuat sebarang aktiviti luar, sentiasa peka dengan maklumat keadaan kualiti udara semasa melalui bacaan harian Pollution Standard Index (PSI) yang dikongsikan melalui laman sesawang Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (www.env.gov.bn).
- Tidak dibenarkan membuat sebarang pembakaran terbuka terutama sekali semasa keadaan cuaca kering.

Semasa Kejadian:

- Dinasihatkan untuk banyak meminum air bagi mengelak dehidrasi.
- Sentiasa peka dengan keadaan kualiti udara semasa melalui bacaan harian Pollution Standard Index (PSI) yang dikongsikan melalui laman sesawang Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (www.env.gov.bn).
- Tidak dibenarkan membuat sebarang pembakaran terbuka.
- Menghubungi talian kecemasan 995 dengan segera jika ada berlakunya kebakaran hutan.

- Aktiviti fizikal luar masih dibenarkan jika bacaan PSI 50 ke bawah.
- Aktiviti fizikal luar perlu dikurangkan bagi kanak-kanak yang mempunyai penyakit asma, paru – paru dan penyakit jantung jika bacaan PSI 51-100.
- Jika bacaan PSI 101 – 200, orang awam dinasihatkan untuk mengurangkan aktiviti fizikal luar terutama sekali warga emas dan individu yang mempunyai kesihatan pernafasan seperti penyakit paru – paru dan jantung. Manakala kanak-kanak dinasihatkan untuk tidak melakukan sebarang aktiviti fizikal luar.
- Jika bacaan PSI melebihi 200, orang ramai dinasihatkan untuk menghindarkan sebarang aktiviti fizikal luar. Jika tidak dapat dielakkan aktiviti di luar rumah, orang ramai dinasihatkan menggunakan sungkup muka jenis N95. Mendapatkan rawatan perubatan segera di pusat kesihatan atau hospital yang terdekat jika simptom akibat jerebu seperti sesasma, alahan dan kesukaran bernafas berlaku.

2.13 Air Kemerah-merahan

Fenomena air kemerah-merahan (*red tide*) adalah biasanya berlaku pada musim kemarau selepas berlakunya hujan lebat dan kesan dari suhu rendah berpanjangan pada musim hujan. Semasa fenomena ini, air laut kelihatan berwarna merah kecoklatan akibat ledakan pertumbuhan dinoflagellate bertoksik kerana adanya pertambahan nutrien dalam air laut.

2.13.1 Tanda-tanda Keracunan Untuk Amaran Awam

- Tanda Awal, Tanda Sederhana dan Tanda Serius (Rujuk Lampiran Carta Jadual).

2.13.2 Jika Biskita Keracunan

- Memberi pertolongan pernafasan kepada mangsa.
- Gejala mungkin muncul dalam beberapa minit, biasanya dalam masa 2 jam, selepas pengambilan ikan dan kerang beracun." pada penghujung seksyen.
- Menggalakkan mangsa muntah secepat mungkin melalui:
 - Makan banyak garam atau putih telur
 - Minum air kelapa bercampur gula merah.

2.13.3 Langkah-Langkah Yang Perlu Biskita Ambil Dalam Situasi Air Kemerah-merahan:

- Patuhi nasihat dan amaran yang diberikan oleh Jabatan Perikanan dan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan.
- Jangan memakan semua jenis ikan-ikan kecil seperti rumahan, tamban, aur-aur atau yang menyerupainya daripada kawasan yang terlibat dan yang tidak diketahui tempat asalnya.

- Jangan memakan semua jenis kerang-kerangan seperti kupang, tiram, tembayangan dan lain-lain daripada kawasan yang terlibat atau tidak diketahui tempat asalnya.
- Sebagai langkah berjaga-jaga, biskita diingatkan untuk membuang perut, insang dan organ dalaman ikan-ikan kecil sebelum dimasak.
- Ikan-ikan besar seperti tenggiri, bakulan, ikan merah dan udang, sotong serta ketam adalah selamat untuk dimakan kecuali ada larangan mengenainya
- Buang ikan dan kerang-kerangan yang terjejas. Jangan cuba makan atau masak ikan dan kerang yang terjejas kerana racun tidak akan musnah dengan memasak atau membekukannya.

2.14 Air Pasang Tinggi

Air Pasang Tinggi adalah merupakan fenomena yang sering terjadi di Negara Brunei Darussalam pada penghujung bulan Disember setiap tahun. Kebiasaan air pasang tinggi dipercayai akan mencapai dari 2.3 meter hingga 2.7 meter.

2.14.1 Amaran Kepada Orang Awam

- Amaran akan dikeluarkan oleh Jabatan Laut apabila air pasang tinggi berlaku melalui media massa dan elektronik.
- Hujan turun berterusan.
- Berwaspada terutama penduduk kawasan Kampong Ayer dan persisiran Sungai Brunei untuk mengambil langkah berhati-hati semasa kejadian air pasang tinggi pada setiap bulan Disember setiap tahun.

2.14.2 Apabila Air Pasang Tinggi

- Penduduk Kampong Ayer dinasihatkan sentiasa berwaspada dan memata-matai ahli keluarga khususnya kanak-kanak.
- Kanak-kanak dilarang bermain atau merayau-rayau di atas titian dan tebing sungai terutama ketika kejadian air pasang serta hujan.
- Penduduk yang tinggal di tebing-tebing sungai disarankan untuk sentiasa berhati-hati dan berjaga-jaga kerana berkemungkinan berlaku sesuatu yang tidak disangka ketika air pasang tinggi.
- Semua nakhoda dinasihatkan membunyikan hon bila jarak penglihatan kurang ketika hujan.
- Lampu-lampu hendaklah dinyalakan dan berlayar dengan perlahan ketika melintasi persekitaran pinggir sungai dan kampung air

2.15 Kemalangan Di laut

LANGKAH 1

- Biskita hendaklah mengambil langkah-langkah di bawah ini sekiranya terjadi kemalangan di laut.

I. Jika terdapat/terjadi orang yang hilang.

- Laporkan kepada:
 - ❖ Pusat Menyelaras Mencari dan Menyelamat Kebangsaan, Jabatan Penerbangan Awam.
 - ❖ Balai Polis Diraja Brunei yang berdekatan.
- Sila nyatakan:
 - ❖ Nama pelapor dan alamat, serta nombor telefon.
- Sila nyatakan keterangan mengenai nama, umur dan keterangan fizik orang yang hilang:
 - ❖ Di mana dipercayai kali terakhir dilihat /perhubungan dibuat.
 - ❖ Apa bekalan makanan/minuman yang dibawa.
 - ❖ Apa jenis peralatan yang dibawa (*survival, communication* dan sebagainya).
 - ❖ Apa jenis kenderaan yang digunakan (saiz, warna dan sebagainya)

II. Jika hilang akibat atau hasil dari sesuatu kejadian

- Nyatakan apa kejadian kejadian (*incident/accident*)
- Bila berlaku
- Di mana
- Magnitud kejadian (anggaran)
- Berapa jumlah orang yang dipercayai hilang atau belum diketahui keadaannya.

LANGKAH 2

- Sila tunggu di tempat masing-masing untuk sebarang pertanyaan dan maklumat selanjutnya.
- Sila maklumkan jika ada sebarang maklumat atau perkembangan baru yang diperolehi.

LANGKAH 3

- Biskita akan dimaklumkan mengenai hasil operasi mencari dan menyelamatkan yang dilaksanakan.

2.16 Jika Biskita Terperangkap di bawah Timbunan Runtuhan

- Merangkak di bawah kepingan perabot yang boleh memberikan biskita ruang bernafas dan berlindung daripada benda yang jatuh; jika tidak boleh dilakukan, mendakap kepada dinding tanpa tingkap kaca dan

cuba gunakan selimut, kotak dan bahan yang lain untuk perlindungan terhadap serpihan kaca dan runtuhan kecil.

- Jika boleh, jauhi diri dari kawasan atau benda yang tidak stabil.
- Jangan kemana-mana jika biskita berada di dalam sebuah tempat selamat.
- Sentiasa bertenang, berjaga-jaga dan responsif terhadap panggilan daripada penyelamat.
- Jangan menjerit tanpa sebab kerana biskita boleh tersedut banyak habuk yang membahayakan disamping melemahkan diri biskita.
- Jika biskita tersepit di bawah runtuhan, gerakkan jari tangan dan kaki biskita sekerap yang mungkin untuk menggalakkan peredaran darah dan mencegah darah beku.
- Kuatkan semangat biskita dengan mengingati orang yang tersayang.

2.17 Tumpahan Minyak

Tumpahan minyak selalunya berpunca daripada kebocoran pelantar minyak, kapal karam, paip bocor atau ketika kerja-kerja pengerudian pencarian minyak dilakukan. Biasanya sifat minyak akan berada dipermukaan air dan merebak, yang boleh menyebabkan air kotor oleh minyak.

2.17.1 Prosedur Operasi Standard

Jika sekiranya biskita menjumpai atau mendapati sebarang tumpahan minyak samada di laut, pantai mahupun didarat disebabkan kemalangan maka biskita haruslah membuat langkah langkah seperti berikut:

a. Langkah 1

Melaporkan kepada Insiden / Kemalangan - menghadapi tumpahan minyak mengikut peraturan Pencegahan Pencemaran Perintah Laut, 2005, Laporan Insiden Tumpahan Minyak.

Stesen Isyarat Pantai Muara/Muara Coastal Signal Station (MCSS):

- TALIAN TELEFON: +673 2770270
- HOTLINE: +673 2771998
- HANDPHONE +673 8250289 (24/7)
- ALAMAT EMEL: signalstationmuara@mpabd.gov.bn

b. Langkah 2

Melaporkan tumpahan minyak hanya mengambil masa beberapa minit. Sediakan seberapa banyak maklumat tentang kejadian itu dan harus bersedia untuk melaporkan perkara berikut:

- Nama pelapor, lokasi, organisasi dan nombor telefon anda
- Nama dan alamat pihak yang bertanggungjawab atas kejadian tersebut.

- Tarikh dan masa kejadian.
- Lokasi tumpahan tersebut dengan tepat.
- Sumber dan punca *pelepasan* atau tumpahan.
- Jenis bahan yang *dilepaskan* atau tertumpah.
- Kuantiti bahan yang *dilepaskan* atau tertumpah.
- Bahaya atau ancaman yang ditimbulkan oleh *pelepasan* atau tumpahan.
- Bilangan dan jenis kecederaan (jika ada).
- Keadaan cuaca di lokasi kejadian.
- Sebarang maklumat lain yang boleh membantu kakitangan kecemasan bertindak balas terhadap kejadian itu.

c. Langkah 3

Jika sekiranya tumpahan minyak tersebut di darat disebabkan kemalangan dan sebagainya biskita harus melakukan perkara seperti berikut:

- Hendaklah melaporkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat di talian 995 dan Pasukan Polis Diraja Brunei di talian 993.
- Dinasihati untuk menjauhi dari lokasi tersebut.
- Hindari daripada menyalakan sebarang sumber api.

Anda dinasihatkan untuk tidak mendekati kawasan tersebut untuk mengelakkan risiko asap dan lain-lain.

Mengawal dan Mencegah pencemaran tumpahan minyak samada berpunca dari kapal-kapal atau punca-punca lain melibatkan persisiran pantai dan perairan Brunei.

Kesan minyak mengotori pesisir pantai dan memberi kesan kepada sektor pelancongan dan menjejaskan mata pencarian nelayan, pencemaran minyak memberi kesan kepada nilai keindahan alam, minyak boleh kelihatan di pantai dan laut dan mengujudkan bau yang tidak selesa kepada penduduk yang tinggal di kawasan sekitar. Kawasan terumbu karang boleh terjejas dengan pencemaran minyak.

2.17.1 Sebelum Kejadian

Pencemaran Marin berlaku apabila berlaku tumpahan cecair "petroleum hydrocarbon" alam laut atau persisiran pantai akibat dari aktiviti manusia. Minyak boleh dibahagikan kepada beberapa kategori termasuklah minyak mentah, produk petroleum yang telah diproses (seperti petrol dan diesel), minyak engine atau buangan minyak yang telah digunakan.

2.17.2 Semasa Kejadian

Kesan dari tumpahan minyak bergantung kepada jenis dan jumlah tumpahan. Kebiasaannya produk petroleum seperti petrol dan diesel lebih mudah bercampur dengan lapisan permukaan air dan lebih toksik kepada hidupan marin, tetapi lebih mudah terpelewap dan tidak kekal lama dalam persekitaran berlakunya tumpahan. Minyak mentah, walaupun tidak begitu toksik akan tinggal lebih lama di permukaan air dan boleh terdampar di pesisiran pantai lebih lama.

2.17.3 Selepas Kejadian

Penduduk yang tinggal dan bergantung hidup kepada kawasan persisiran pantai, seperti aktiviti penangkapan ikan dan pelancongan, kesan tumpahan minyak kepada penduduk persisiran pantai boleh menjadi serius. Syarikat minyak, pemilik kapal, dan Jeti-Jeti persendirian sama-sama bertanggungjawab untuk mengelakkan kejadian tersebut dari berlaku. Disebabkan minyak lebih ringan dari air dan tidak mudah lupus, ia boleh berada di permukaan air dalam tempoh yang lama. Disebabkan minyak juga boleh terbakar, tumpahan minyak boleh mengakibatkan kebakaran di laut.

2.18 Kebakaran Hutan

Kebakaran hutan ialah kebakaran hutan yang membakar di kawasan hutan, dimulakan sama ada disebabkan oleh semula jadi atau manusia, dan boleh diburukkan lagi dengan suhu yang melampau dan keadaan yang lebih kering.

Kebakaran Hutan (Forest Fire) sering berlaku di Negara ini terutamanya semasa musim kemarau yang mana boleh mengakibatkan pencemaran udara.

Forest fire is a wildfire that is burning in a forested area, initiated either due to natural or human causes, and can be exacerbated by prolonged extreme temperature and drier conditions.

2.18.1 Sebelum kejadian/ Before

- a) Amaran tanda-tanda awal/ *Early signs of warning*
 - Lebih panas daripada suhu biasa / *Temperature is warmer than usual*
 - Keadaan kering / *Dry conditions*
- b) Apa yang perlu dibuat/ *What to do :*
 - Memperbanyakkan minum air / *Rehydrate by drinking more water*
 - Memaklumkan pihak-pihak berkuasa (menerusi talian 995 atau 123) dan orang-orang sekeliling / *Inform the authorities (via line 995 or 123) and the people around*

- Orang awam perlu hindari dari merokok atau melakukan pembakaran terbuka / *Avoid smoking and open burning*
- Disaran kekal berada di dalam rumah / *Stay indoor*

2.18.2 Semasa kejadian/ During

- a) Jika berada di Kawasan kejadian/ *If you're near the affected area:*
 - Memakai sungkup muka / *Wear face masks to cover your face*
 - Memaklumkan pihak-pihak berkuasa (menerusi talian 995 atau 123) dan orang-orang sekeliling / *Inform the authorities (via line 995 or 123) and the people around*
 - Bersedia untuk mengambil perlindungan / *Prepare to evacuate, or leave earlier as possible*
 - Mengambil maklum tentang berita terkini / *Keep informed of the latest local news and updates*
- b) Jika berada diluar rumah / *If you're outside*
 - Elakkan dari menghampiri kawasan kejadian / *Do not go near the affected areas*

2.18.3 Selepas kejadian/ After

- Elakkan dari menghampiri kawasan kejadian / *Avoid area that is prone to forest fire*
- Mengambil maklum tentang berita terkini / *Keep informed of the latest local news and updates*

2.18.4 Info Umum Apabila Berada di Kawasan Taman-Taman Rekreasi Hutan Simpan

Hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

1. Hendaklah mematuhi undang-undang Perhutanan Negara Brunei Darussalam.
2. Tidak memasang api kecuali ditempat yang disediakan 'BBQ stand'.
3. Tidak mengotori taman, tidak memburu binatang serta tidak memotong atau mengambil flora dan fauna.
4. Memastikan kawasan serta tandas dan pondok-pondok akan dibersihkan selepas penggunaan.
5. Tidak merosakkan kemudahan-kemudahan yang ada.
6. Jabatan Perhutanan tidak akan bertanggungjawab diatas kecederaan/keselamatan serta kehilangan/kerosakan harta benda setiap pengguna taman.

7. Tidak dibenarkan bermain/menyalakan api mercun.
8. Tidak dibenarkan membawa minuman yang ditegah oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam.
9. Taman dibuka setiap jam 6.00 pagi sehingga 6.00 petang.

2.18.5 Perkara Yang Tidak Patut Dilakukan Semasa Berada di Taman-Taman Rekreasi Hutan atau Mana-mana Kawasan Hutan Simpan

Akta Hutan, Penggal 46

1. Seksyen 19: Perbuatan yang dilarang di dalam Hutan Simpan: (Denda dan penjara selama 1 atau 5 tahun) & Kompaun tidak melebihi \$1000 bagi pampasan kesalahan tersebut.)
 - (a) Melepaskan ternakan atau membenarkan ternakan meragut hasil hutan; atau
 - (b) Menebang, memotong, menggeling, menanda, memangkas / menutuh atau menoreh mana-mana pokok atau merosakkan dengan api atau sebaliknya atau , mengeluarkan mana-mana pokok atau kayu balak ; atau
 - (c) Menyebabkan mana-mana kerosakan yang disebabkan oleh kecuaiian semasa menebang mana-mana pokok atau memotong atau mengheret mana-mana kayu balak; atau
 - (d) Mencari, mengumpul, mengenakan kepada mana-mana proses pengilangan atau mengeluarkan mana-mana hasil hutan atau mineral; atau
 - (e) Membersihkan atau membajak mana-mana tanah untuk tanaman atau apa jua tujuan; atau
 - (f) Menggunakan bahan beracun atau dinamit atau bahan letupan lain di dalam sungai atau tasik atau memasang jerat atau menjebak; atau
 - (g) Menceroboh dengan apa jua cara yang sebelum ini tidak dilarang dalam Seksyen ini.
2. Seksyen 20: Larangan terhadap api - boleh disabitkan denda dan dipenjara selama 5 tahun

3. KESELAMATAN KEBAKARAN

3.1 Panduan Mencegah Kebakaran

3.1.1 Harta Benda

Apabila berlakunya kebakaran setiap penghuni perlu keluar dari rumah dengan segera. Keadaan ini boleh menyebabkan harta benda yang berharga biskita tertinggal di dalam rumah. Adalah langkah bijak menyimpan barang-barang berharga dalam peti keselamatan di bank dan mengambil polisi insurans kebakaran.

3.1.2 Jeriji

Elakkan memasang jeriji dari jenis statik/tetap dan bermangga. Ini kerana dalam banyak kes operasi menyelamatkan Jabatan Bomba dan Penyelamat gagal membantu dengan segera disebabkan keadaan ini. Pastikan biskita memasang jeriji dari satu jenis yang mudah dibuka dari dalam tanpa kunci atau sistem penguncian tidak berkarat serta memerlukan penyelenggaraan.

3.1.3 Mancis

Elakkan dari membiarkan kotak mancis, batang mancis, pemetik api, lilin atau ubat nyamuk diletakkan di merata tempat tanpa pengawasan. Ini dapat menghindar dari kanak-kanak dengan bahan tersebut tanpa menyedari bahayanya. Simpanlah peralatan ini di tempat yang tinggi dan sukar diambil oleh kanak-kanak.

3.1.4 Jalan Keluar Kecemasan

Pastikan setiap jalan keluar boleh digunakan setiap masa dan dibuka dengan mudah serta elakkan dari terhalang. Kenal pasti sekurang-kurangnya dua jalan keluar kecemasan dan diketahui oleh semua isi keluarga.

3.1.5 Asap

Asap merupakan salah satu punca kematian semasa kebakaran. Apabila berlaku kebakaran elakkan daripada menghidu asap dengan merendahkan badan ke lantai dan segera merangkak ke luar ke tempat yang selamat. 30-60m (paras/lantai)

3.1.6 Bahan Mudah Terbakar

Elakkan dari menyimpan bahan-bahan mudah terbakar seperti kertas, surat khabar, minyak tanah, pakaian lama di bawah tangga atau berhampiran dengan jalan keluar.

3.1.7 Arus Elektrik Berlebihan

Hindari penyambungan plug peralatan yang banyak pada satu soket sahaja. Tutup suis dan cabut plug peralatan elektrik apabila selesai menggunakannya. Gunakan alat elektrik yang diluluskan.

3.1.8 Tangga Kecemasan

Semasa kebakaran elakkan dari menggunakan lif. Gunakan tangga kerana ia lebih selamat. Pastikan tangga tidak terhalang setiap masa.

3.1.9 Merokok

Kecuaian akibat merokok adalah salah satu punca utama kebakaran di rumah. Elakkan dari merokok di atas katil, semasa meminum minuman keras atau selepas mengambil ubat-ubat yang boleh menyebabkan mengantuk. Pastikan puntung rokok dipadam sepenuhnya.

3.1.10 Pengesan Asap / *Smoke Detector*

Memasang pengesan asap dapat membantu memberi amaran awal sekiranya berlakunya kebakaran. Ianya penting terutamanya di waktu malam atau waktu sedang tidur. Awda akan dapat bertindak lebih awal untuk memadam api. / *by installing smoke detector can assist you to give first warning in case of fire it is important especially night time or when you are sleeping. You can fight fire before time.*

3.1.11 Selimut Basah / *Wet Blanket*

Adalah bijak menggunakan kain atau tuala basah untuk membalut muka atau badan awda semasa kebakaran bagi menghindari dari asap tebal atau api / *During fire, it is good action to use wet towel or cloth to cover your face or body to prevent thick smoke of fire.*

3.1.12 Alat Pemadam Api / *Fire Extinguisher*

Kebakaran yang tidak dikawal di peringkat awal akan memberi kesengsaraan. Alat pemadam api dapat membantu memadam dan mengawal kebakaran di peringkat awal. Oleh itu simpanlah sekurang-kurangnya satu alat pemadam api di rumah awda. / *Fire which is not control at the stage will give extreme suffering. Fire extinguisher can assist to extinct and control fire at the first stage. So keep at least one fire extinguisher at home.*

3.2 10 Cara Mencegah Kebakaran

CEGAH KEBAKARAN DI RUMAH DENGAN:

3.2.1 Keselamatan Di Dapur

Semasa memasak beri tumpuan sepenuhnya. Pastikan keadaan dapur yang bersih dan tidak berminyak. Jangan memasak dalam keadaan letih dan mengantuk.

3.2.2 Ruang Alat Pemanas

Letakkan alat pemanas pada jarak tiga kaki atau satu meter daripada barang yang mudah terbakar.

3.2.3 Perkakas Merokok

Pastikan bekas abu rokok yang digunakan besar dan lebar. Basahkan bekas tersebut sebelum digunakan kemudian jangan merokok apabila hendak tidur.

3.2.4 Mancis dan Pemetik Api

Pastikan bahan seperti mancis dan pemetik api disimpan di tempat yang tinggi supaya tidak mudah dicapai oleh kanak-kanak

3.2.5 Elektrik

Gantikan wayar yang telah rosak atau berpintal. Sentiasa peka terhadap barangan elektrik yang digunakan seperti peralatan berbau, berasap dan terlampau panas.

3.2.6 Lilin

Semasa menggunakan lilin pastikan ianya jauh dari benda yang mudah terbakar dan terhadang dari tiupan angin.

3.2.7 Alat Pengesan Asap

Setiap rumah hendaklah dipasang sekurang-kurangnya satu unit alat pengesan asap. Keutamaan dipasang adalah di ruang dapur. Untuk memastikan keselamatan sekeluarga pada setiap masa disyorkan di setiap bilik tidur dipasang alat tersebut. / Setiap rumah hendaklah dipasang sekurang-kurangnya satu unit alat pengesan asap. Untuk memastikan keselamatan sekeluarga pada setiap masa disyorkan untuk dipasang di setiap bilik tamu, ruang tamu dan dapur.

3.2.8 Sentiasa Membuat Pemeriksaan

Periksa alat pengesan asap setiap bulan. Gantikan bateri setahun sekali. Apabila alat pengesan ini berbunyi sekali sekala menandakan bateri sudah lemah ianya perlu ditukar dengan segera. Tukarkan alat tersebut setiap 10 tahun sekali. Dapatkan yang mudah alih.

3.2.9 Jika Pakaian Biskita Terbakar

Mula-mula berhenti jangan berlari. Rebahkan badan biskita kemudian tutup muka dengan tangan jika boleh dan bergulinglah jika api masih marak, pusing ke kiri dan ke kanan secara lembut. Sekiranya keadaan kembali reda minta pertolongan dengan segera.

3.2.10 Merangkak di Dalam Asap

Cara betul untuk menyelamatkan diri dari asap yang tebal:

- Pertama - merangkaklah ke lantai menggunakan kedua-dua belah tangan dan lutut.
- Kedua - pastikan kepala biskita 30-60sm dari aras lantai

3.3 Mencegah Kebakaran Di Rumah

- Cegah Kanak-kanak dalam jarak tiga kaki atau satu meter dari kawasan dapur memasak. Jauhkan juga binatang peliharaan biskita sejauh mungkin.

- Kurangkan risiko kebakaran daripada terkena baju dengan memakai pakaian yang sesuai atau berlengan pendek atau gulungkan baju yang berlengan panjang semasa memasak.
- Halakan pemegang periuk ke bahagian dalam dengan ini biskita tidak terkena pada pemegang periuk dan kanak-kanak tidak dapat mencapainya.
- Matikan api dapur apabila biskita tidak menggunakan. Jangan tinggalkan senduk atau perkakas dapur di dalam periuk semasa memasak.
- Letakkan sarung tangan memasak dan pemegang periuk berhampiran (tetapi bukan di atas dapur)
- Mempunyai selimut api (*fire blanket*) di setiap dapur

3.4 Gas Cecair Petroleum (LPG)

Pengendalian Selamat Bagi Gas Cecair Petroleum (LPG)

3.4.1 Lakukan

Jauhkan silinder gas sekurang-kurangnya 1.5 meter daripada nyalaan terbuka, sumber haba dan soket elektrik.

- Disyorkan alat atur (regulator) LPG diganti setiap lima tahun dan hos setiap dua tahun mengikut BS 3212 dan SS 233
- Semasa mengalih silinder LPG, angkat kepalanya/golekkan ditapaknya.
- Simpan silinder LPG di tempat peredaran udara yang terbuka. Lebih sesuai di dalam kurungan yang berkunci di luar rumah biskita.
- Periksa semua sambungan gas secara tetap untuk mengesan kebocoran. Kebocoran dapat dikesan jika buih muncul apabila larutan pencuci atau sabun disapu pada hos gas.
- Pastikan tingkap terbuka dan dapur mempunyai pengudaraan yang baik sewaktu memasak; jangan sekali-kali meninggalkan masakan tanpa dijaga atau meletakkan bahan yang mudah terbakar berhampiran nyalaan api.
- Sentiasa pastikan silinder gas berkedudukan menegak; jangan sekali-kali menyimpannya secara melintang (berbaring).
- Berhentikan bekalan gas pada alat atur (regulator) gas sebelum meninggalkan rumah dalam jangka waktu yang lama.
- Tutupkan alat atur LPG dan perkakas gas selepas penggunaan

3.4.2 Jangan Lakukan

- Tukar alat atur LPG yang sudah rosak dan hos yang sudah mengeras serta-merta.

- Jangan nyalakan api ke silinder LPG.
- Jangan diketuk injap/cuba mengeluarkan gas dari silinder LPG untuk tujuan lain. Jangan menyimpan/menggunakan silinder LPG di kawasan ruang bawah tanah.
- Untuk menghindarkan kerosakan yang boleh menyebabkan kebocoran gas, berhati-hati apabila mengendalikan silinder gas. Jangan jatuhkan/mengheret silinder gas.
- Jangan simpan lebih dari satu silinder pada setiap masa dan simpanan tersebut mesti disimpan secara menegak di dalam kabinet yang mempunyai pengudaraan yang baik.
- Pastikan tiada nyalaan terbuka berhampiran apabila menukar silinder gas.
- Jangan tinggalkan masakan biskita tanpa pengawasan dalam apa-apa jua keadaan.

INGAT

- Ganti kepala gas (regulator)
- Setiap 5 tahun dan hos Lpg
- Setiap 2 tahun mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak BSM iaitu BS 3212 dan SS 233

Lampiran BSM SAFETY TIPS (GAMBAR)

3.4.3 Jika Biskita Tercium Bau Kebocoran Gas

- Padamkan semua nyalaan dan matikan dapur, injap (*valve*) dan pengatur (*regulator*) gas.
- Buka semua tingkap dan pintu untuk mengudarakan rumah.
- Hubungi 995 untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat.

3.4.4 Jika Kualiti Atau Peralatan Memasak Lain Biskita Terbakar

- Jika tidak ada selimut api (*fire blanket*) tutup dengan penutupnya atau kain basah bagi melemaskan oksigen dan api akan padam. Jangan disiram dengan air ke dalamnya kerana api akan merebak.

3.5 Keselamatan Kebakaran Bangunan

3.5.1 Apabila Biskita Mula-mula Masuk ke Dalam Bilik Biskita:

- (a) Rancang Tempat Melarikan Diri dari Kebakaran

Selepas memeriksa keadaan bilik biskita, ketahui lokasi bagi semua tempat melarikan diri.

- (b) Tempat Panggilan Loceng Kecemasan Kebakaran
Biasakan diri biskita dengan lokasi Panggilan Loceng Kecemasan Kebakaran di tempat biskita.
- (c) Alat Pemadam Api/ Gulungan Hos Api
Mengetahui di mana alat pemadam api/gulungan hos api berada dan memahami tatacara penggunaanya.

3.5.2 Apabila Biskita Mengesan Sebarang Kebakaran:

- (a) Bunyikan Loceng
Sekiranya biskita mengesan sebarang api atau asap, pecahkan gelas loceng kecemasan yang berdekatan atau telefon operator.
- (b) Jika Berkemungkinan Padamkan Api Tersebut
Gunakan alat Pemadam Api atau gulungan hos api untuk memadamkan api. Walau bagaimanapun, jangan biarkan diri biskita dalam bahaya.
- (c) Keluar
Jika api tidak dapat dikawal, tutup semua pintu di belakang biskita dan tinggalkan bangunan dengan segera melalui pintu KELUAR dengan menggunakan tangga.

3.5.3 Jika Biskita Mendengar Loceng Keselamatan

- (a) Sekiranya Biskita Mendengar Loceng Kecemasan
Keluar segera dengan menggunakan pintu KELUAR yang berdekatan. Jika biskita mengetahui sebarang pengumuman melalui sistem pemberitahuan awam, ikuti semua arahan dengan tenang – Jangan Panik.
- (b) Jangan Cuba Untuk Membawa Barang-Barang Biskita
Masa amat berharga. Jangan cuba untuk membungkus barang biskita, selamatkan nyawa biskita dahulu. / Masa amat berharga. Jangan cuba untuk membawa barang biskita lebih besar dari beg bimbit selamatkan nyawa biskita dahulu.
- (c) Jangan Gunakan Lift.
Jangan gunakan lift untuk keluar. Gunakan tangga.

3.5.4 Sekiranya Biskita Berada di Dalam Bilik Biskita

- (a) Maklumkan seseorang bahawa biskita berada di situ.
Telefon operator, ketuk pintu dengan kuat atau beri isyarat kepada orang yang berada di bawah melalui jendela untuk menarik perhatian mereka.

(b) Matikan api tersebut.

Basahkan tuala atau cadar dan letakkan di bawah pintu untuk mengelak asap daripada memasuki ruang tempat biskita berada.

PERINGATAN!

- Jika biskita terperangkap dalam asap, keluar secara merangkak kerana udara di paras lantai adalah bersih dan kurang mengandungi gas beracun.
- Jangan melompat keluar dari bangunan. Penyelamat mungkin datang hanya dalam beberapa minit.
- Telefon nombor kecemasan bangunan – misalnya '0'

Harus diingat bahawa terdapat orang yang mati terbakar dalam kebakaran. Kebanyakan yang mati kerana asap, gas beracun dan panik. Pada kebiasaannya, panik terjadi kerana tidak mengetahui apa yang harus dilakukan. Sekiranya biskita mempunyai perancangan menyelamatkan diri dan melakukannya sewaktu terjadi kecemasan, biskita boleh meningkatkan peluang untuk terselamat.

3.6 Cara Menggunakan Alat Pemadam Api Dan Jenis-Jenis Alat Pemadam Api

3.6.1 Cara Menggunakan Alat Pemadam Api

- (a) Cabut Pin Keselamatan / *Pull the pin*
- (b) Tujukan Pada Dasar Api/ *Aim at the Base of Fire*
- (c) Tekan Pemegang ke Bawah/*Squeeze the Lever*
- (d) Halakan Pemadam Api ke Kiri dan ke Kanan/*Sweep the fire extinguisher from side to side*

3.6.2 Jenis-jenis Alat Pemadam Api

- Air
Kebakaran: Kertas, Kayu, Kain, dan Fabrik
- Buih
Kebakaran: Kertas, Kayu, Kain, dan Fabrik Cecair mudah terbakar, Perlindungan kereta
- Karbon Dioksida
Kebakaran: Cecair mudah terbakar Gas mudah terbakar Bahaya elektrik, Perlindungan kereta
- Debu Kering
Kebakaran: Kertas, Kayu, Kain, dan, Fabrik Cecair mudah terbakar, Gas mudah terbakar, Bahaya elektrik, Perlindungan kereta

3.7 Alat Penggera Kebakaran (*Break Glass Call Point*) Dan Gelendong Hos Api (*Fire Hose Reel*)

3.7.1 Alat Penggera Kebakaran dan Gelendong Hos Api

Sekiranya berlaku kebakaran, pecahkan kaca titik panggilan manual terdekat bagi mengaktifkan sistem penggera kebakaran yang akan berbunyi di seluruh bangunan. Ini akan memberi amaran kepada semua penghuni terhadap kebakaran dan mengarahkan mereka agar mengosongkan premis.

Untuk memadamkan api, biskita boleh menggunakan alat pemadam api atau gelendong hos api.

Cara Pengendalian Gelendong Hos Api (*Fire Hose Reel*)

- I. Buka injap gelung hos mengikut arah yang ditunjukkan.
- II. Tarik hos dan lari ke arah api.
- III. Buka air di muncung hos dan tujukan ke pangkal kebakaran.

Dalam kebakaran yang mengakibatkan maut, kebanyakan yang mati disebabkan terhidu asap.

3.7.2 Jika Biskita Terperangkap Di Dalam Bilik Yang Dipenuhi Asap

- Jangan panik dan bertenang.
- Tutup hidung dan mulut biskita dengan sehelai kain basah dan elakkan bernafas melalui mulut.
- Menjerit untuk meminta pertolongan sama ada melalui jendela atau tempat-tempat terbuka untuk mendapat perhatian orang lalu lintas dan tunggu sehingga penyelamat sampai.
- Meniarap hampir dengan permukaan lantai; kemudian merangkak ke tempat yang selamat, dengan kepala biskita sentiasa di bawah asap.
- Hubungi 995 untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat dan nyatakan keberadaan biskita.

3.7.3 Jika Biskita Terperangkap Dalam Kebakaran

- Masuk ke dalam bilik yang selamat, sebaik-baiknya yang mempunyai tingkap terbuka, pengudaraan baik dan berhadapan jalan raya.
- Tutup pintu di belakang biskita dan tutup ruang di bawah pintu dengan selimut, kain atau fabrik lain bagi mencegah asap daripada memasuki bilik.
- Pergi ke tingkap, jerit untuk menarik perhatian orang tentang kebakaran dan hubungi 995 Jabatan Bomba dan Penyelamat.

- Tenangkan diri biskita dan jangan cuba melompat keluar dari bangunan.

3.8 Apabila Kebakaran Berlaku

3.8.1 Jika Biskita Mendapati Kebakaran

- Jangan panik.
- Beri amaran kepada orang lain tentang kebakaran dengan menjerit dan aktifkan alat penggera kebakaran (*break glass call point*) yang terdekat.
- Keluar menuju ke tempat perkumpulan (*assembly area*) dan cuba pastikan setiap orang keluar dari premis tanpa membahayakan diri biskita.
- Cuba bertindak memadam api dan pastikan tidak membahayakan diri sendiri.
- Jika boleh, tutup pintu bilik yang terjejas untuk mengawal kebakaran.
- Hubungi 995 untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat; nyatakan:
 - ❖ Nama Penuh
 - ❖ Alamat Kejadian
 - ❖ Jenis Kecemasan
 - ❖ Nombor Telefon
- Matikan sumber gas utama jika biskita mampu mencapainya.
- Kosongkan bangunan dalam keadaan yang teratur melalui tangga; pegang pemegang tangga semasa turun dan jangan gunakan lif.
- Jangan kembali ke bangunan sehingga pihak berkuasa mengumumkan bahawa ia selamat untuk dimasuki.

3.8.2 Cara-cara memadamkan api termasuk:

- (a) Menggunakan air ke atas kertas, kayu dan kain yang terbakar tetapi jangan sekali-kali ke atas cecair yang mudah terbakar seperti minyak kerana ini akan menyebabkan api merebak.
- (b) Menggunakan alat pemadam api yang sesuai (ms. 58).
- (c) Menggunakan gelendong hos (*hose reel*).

3.9 Jika Pakaian Biskita Terkena Api

- 1) Berhenti
Jangan Panik dan Jangan Berlari
- 2) Rebahkan Diri
Rebahkan diri serta-merta sama ada di luar atau di dalam, tutup muka dengan tangan biskita.
- 3) Bergolek-golek

Bergolek-golek untuk memadamkan api. Golek badan dengan perlahan-lahan bagi menyingkirkan oksigen. Tutup muka biskita dengan tangan untuk mengelak dari api dan asap dari masuk ke dalam paru- paru.

3.10 Senarai Semak

Senarai semak sebelum biskita meninggalkan rumah semasa percutian/perayaan/ balik kampung bagi mengelakkan kebakaran:

PERKARA	TINDAKAN YANG PERLU	LANGKAH KESELAMATAN
---------	---------------------	---------------------

TV dan perkakas lain	Tutup dan tanggalkan semua plug dari soket	Jangan ditutup dengan menggunakan alat kawalan jauh
Aerial TV	Cabut dari soket TV	Jika perlu pasangkan perangkap petir
Gas Memasak (LPG)	Tanggal alat atur gas dari silinder	Asingkan alat atur gas dari silinder
Peti Ais	Kosongkan dan bersihkan peti ais. Tutup dan tanggalkan plug dari soket	Jika perlu, pasang pemutus elektrik (bekalan berasingan) sewaktu bercuti keluar negeri
Suis Utama	Tutup	Jika perlu gunakan <i>auto timer</i> dan elakkan penggunaan lampu mentol
Lampu	Tutup	Jika perlu gunakan <i>auto timer</i> dan elakkan penggunaan lampu mentol
Kereta	Tanggalkan kepala bateri	Jauhkan bahan mudah terbakar dari tempat letak kereta
Akuarium	Letakkan pam di atas penutup akuarium. Jika terbakar pam akan jatuh ke dalam akuarium yang dipenuhi air	Jauhkan pam dari dinding, langsir dan bahan mudah terbakar. Adakan pemutus litar berasingan.
Jiran	Maklumkan kepada jiran	Tinggalkan satu kunci pintu utama. Berikan nombor telefon biskita kepada jiran untuk mudah dihubungi waktu masa kecemasan

Kipas (siling/dinding/berdiri)	Tutup dan tanggalkan plug dari soket	Pastikan tidak berfungsi sebelum keluar
Penghawa dingin	Tutup dan tanggalkan plug dari soket	Jika perlu adakan auto <i>timer</i>
Peralatan colok, plug, puntung rokok, racun nyamuk dan lilin	Pastikan semua bentuk punca api telah dipadamkan sepenuhnya sebelum meninggalkan rumah termasuk colok, lampu dan sebagainya.	Pastikan semua bentuk punca api telah dipadamkan sepenuhnya sebelum meninggalkan rumah.

3.11 Jika Kereta Biskita Terbakar

Apabila Biskita Lihat Asap Atau Api Keluar Dari Enjin Kenderaan

- Perlahankan kereta, beri isyarat dan berhenti di tepi jalan raya.
- Matikan enjin dan keluar dari kereta dengan segera.
- Hubungi 995 untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk minta Bantuan.
- Jika dalam kereta biskita ada alat pemadam api, biskita boleh cuba memadamkan api ketika ia masih kecil tanpa membahayakan diri biskita atau orang lain.
- Jika api menyala terlalu besar, jauhkan diri biskita dari kenderaan dan tunggu ketibaan Jabatan Bomba dan Penyelamat di tempat yang selamat.
- Pastikan orang yang mengerumuni menjauhi tempat kebakaran.

LAMPIRAN GAMBAR JADUAL (KLASIFIKASI API)

3.12 Kebakaran Elektrik

Kebakaran yang berpunca daripada barangan elektrik yang mana selalunya berpunca dari penyambungan tanpa kebenaran, pelencongan meter (*bypass*), menggunakan kontraktor yang tidak berdaftar dan tidak mengikut piawaian.

Sebelum Kejadian:

1. Elakkan dari menggunakan bebanan tenaga elektrik yang berlebihan pada satu soket.
2. Jangan meninggalkan barang masakan elektrik yang ditinggalkan tanpa pengawasan.

3. Elekkkan dari menggunakan palam (*plug*) / soket elektrik yang rosak.
4. Jangan membuat penyambungan wayar yang tidak sempurna dan tidak mengikuti piawaian.
5. Sentiasa peka terhadap barangan elektrik yang digunakan seperti yang mengeluarkan haba (panas).
6. Sentiasa menggunakan perkhidmatan kontraktor yang berdaftar.

Semasa Kejadian:

1. (Jika dapat) Menutup pemutus elektrik utama atau suis yang berdekatan dengan segera.
2. Membuat panggilan kecemasan 995 atau Talian Darussalam 123.
3. Jangan sesekali memadamkan api menggunakan air, disarankan untuk menggunakan peralatan yang sesuai seperti *Dry Powder Fire Extinguisher*.

Selepas Kejadian:

1. Menghubungi kontraktor berdaftar untuk membuat pemeriksaan dan process pembaik-pulih
2. Menghubungi Talian Darussalam 123 untuk penyambungan bekalan elektrik
3. Jika kebakaran menyebabkan meter pra bayar rosak, permohonan hendaklah dibuat seperti berikut:
 - (a) Langkah 1: Membuat kerja-kerja pemasangan dengan menggunakan kontraktor yang berdaftar kemudian disahkan oleh *Professional Engineer (PE)*
 - (b) Langkah 2 : Membuat permohonan dan pembayaran melalui sistem OneBiz

4. PENGANASAN

4.1 Ancaman Kimia

Serangan agen kimia ialah pembebasan bahan - bahan kimia yang berbahaya yang disengajakan untuk membunuh, mencederakan dengan serius dan melumpuhkan orang ramai. Banyak agen-agen kimia boleh disebarkan dalam serangan melalui alat letupan yang diubahsuai, alat-alat semburan, senjata ketenteraan dan cara-cara lain. Agen sedemikian termasuk agen saraf, pelepuhan (*blister*), darah dan mencekik.

4.1.1 Tanda-tanda Kemungkinan Terjadinya Serangan Agen Kimia

Terdapat ramai orang di dalam kawasan yang sama mempamerkan gejala-gejala seperti:

- Mata berair atau penglihatan kabur
- Sakit kepala dan pening.
- Sukar bernafas.
- Kekeringan tekak, batuk atau radang melampau pada saluran pernafasan.
- Rasa mual atau muntah.
- Peliuran.
- Sesak dada.
- Kemerahan pada kulit serta kesakitan yang teruk dan pembentukan lepuh apabila tersentuh bahan.
- Renggutan (twitching) otot, sawan dan kekejangan.
- Tidak dapat mengawal kencing atau berak.
- Ketidaksedaran.
- Tiga atau lebih orang rebah tanpa sebarang sebab.
- Terdapat beberapa binatang kecil seperti burung yang sakit atau mati di kawasan tersebut.
- Kelemahan otot (*Muscle weakness*)
- Tercium / terhidu bau- bau seperti (*unexplained odor*):
- Peluntur (*bleach*)
- Telur busuk (*rotten eggs*)
- Jerami dipotong (*mown hay*)
- Ikan atau bawang putih yang mereput (*decaying fish or garlic*)
- Ikan atau bawang putih yang tidak kuat (*slight fish or garlic odor*)

Nama agen	Bau
Sarin	Tidak berbau (<i>odorless</i>)
Chlorine	Peluntur (<i>bleach</i>)
Hydrogen Sulfide	Telur busuk (<i>rotten eggs</i>)
Phosgene	Jerami dipotong (<i>mown hay</i>)
Phosphine	Ikan atau bawang putih yang mereput (<i>decaying fish or garlic</i>)

Arsine	Ikan atau bawang putih yang tidak kuat (<i>slight fish or garlic odor</i>)
--------	---

4.1.2 Sekiranya Berlaku Serangan Agen Kimia

- Jika boleh, sila kenal pasti tempat atau kawasan yang terjejas.
- Jika serangan berlaku di dalam bangunan, buka atau pecahkan jendela untuk mendapatkan udara bersih yang tidak tercemar (*to access clean air*). Keluar daripada bangunan tersebut atau pindah ke bumbung jika selamat untuk berbuat demikian. Tutup mulut dan hidung biskita dengan kain lembab (contohnya tuala basah) dan kosongkan bangunan dengan segera tanpa melalui kawasan yang tercemar.
- Jika serangan berlaku di luar dan biskita terdedah kepadanya, tutup mulut dan hidung biskita dengan sehelai kain dan beredar dari kawasan terlibat.
- Cari perlindungan secepat mungkin, jangan berjalan ke arah angin kerana ia boleh membawa bersama kimia-kimia berbahaya.
- Jika biskita berada di dalam kenderaan semasa serangan berlaku, tuju ke rumah, pejabat atau bangunan awam yang tidak terjejas atau lakukan perkara-perkara seperti berikut:
 - ❖ Tutup tingkap dan lubang-lubang; jika boleh, tutup lubang-lubang sistem penghawa dingin dengan pita pelekat.
 - ❖ Beredar dari kawasan terlibat.
 - ❖ Singgah di kawasan yang selamat dan tutup hidung serta mulut biskita dengan sehelai kain.
 - ❖ Ikuti siaran berita semasa untuk maklumat terkini tentang keadaan berkenaan dan tunggu arahan selanjutnya.
- Jangan tinggalkan tempat perlindungan untuk membantu orang lain sehingga pihak berkuasa mengatakan ia adalah selamat untuk berbuat demikian.

Gabungan tatacara bagi serangan di luar dan serangan semasa di dalam kenderaan:

- Cari dan lindungi diri di dalam bilik yang tidak mempunyai banyak tingkap dan tutup mana-mana laluan udara (*seal the room*) sebagai penghalang sementara antara biskita dan udara luar yang tercemar (*Go to a room with few windows and seal the room to create a temporary barrier between people and contaminated air*)

4.1.3 Sekiranya Biskita Terdedah Kepada Agen Kimia

Jika biskita mengalami tanda luar biasa dan biskita mungkin telah terdedah kepada agen kimia, biskita harus pergi ke fasiliti pembersihan yang terdekat (PROSEDUR DEKONTAMINASI ms.99). Jika tidak berkesempatan untuk ke tempat pembersihan :

- Cari sumber air yang terdekat.
- Tanggal dan potong pakaian dengan segera. Jangan ditanggalkan melalui kepala bagi mengelakkan terkena mata, hidung dan mulut. Sebolehnya masukkan semua pakaian yang tercemar ke dalam beg plastik semua pakaian yang tercemar ke dalam beg plastik dan ikat beg plastik dengan ketat (*seal the bag*)
- Gosok diri biskita dengan teliti; gunakan sabun jika ada.
- Jika boleh cari bantuan perubatan dengan segera dan hubungi 991 untuk perkhidmatan ambulans.
- Hubungi 995 untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat, beritahu kepada mereka bahawa biskita mungkin telah terdedah dengan agen kimia serta lokasi biskita.
- Bertenang dan tunggu bantuan dari pihak berkenaan atau Jabatan Bomba dan Penyelamat.
- Tanggalkan cermin mata atau kanta lengkap dan nyah cemar dalam peluntur. Bilas dengan air dan keringkan kemudian. (*Remove eyeglasses or contact lenses and decontaminate them in household bleach. Rinse with water and dry*)
- Bilas mata dengan air (*flush eyes thoroughly with water*)

4.1.4 Sekiranya Biskita Mengesyaki Yang Seseorang Itu Telah Terdedah Kepada Agen Kimia

- Jangan cuba untuk memberikan pertolongan cemas kepada orang yang terlibat; biskita boleh terjejas oleh kimia tersebut dan turut menjadi mangsa.
- Beredar dari kawasan terlibat dan hubungi 993 untuk Pasukan Polis Diraja Brunei dan 995 untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk mendapatkan bantuan.

4.1.5 Ancaman Pencemaran Tumpahan Kimia Yang Boleh Merosakkan Alam Sekitar

Pencemaran tumpahan kimia adalah salah satu ancaman yang dikenal pasti boleh merosakkan alam persekitaran. Antaranya ialah kejadian tumpahan atau pembuangan kimia yang merbahaya atau tidak merbahaya yang sengaja atau

tidak disengajakan yang boleh mencemarkan alam sekitar dan membahayakan orang awam.

Sebelum Kejadian

- Setiap bahan kimia hendaklah dikendalikan dengan selamat dan perlu terlebih dahulu menyediakan penilaian risiko yang lengkap untuk mengurangkan risiko pendedahan bahan kimia terhadap orang awam dan alam sekitar. Antara langkah-langkah yang penting ialah menyediakan tempat penyimpanan bahan kimia yang betul dan selamat.
- Setiap bahan kimia perlu dilengkapi dengan SDS (Safety Data Sheet) mengenai maklumat keselamatan, penyimpanan dan pengurusan bahan kimia tersebut untuk rujukan pengguna.
- Menyediakan senarai inventori bahan kimia dan inventori tersebut sentiasa dikemaskini dari masa ke semasa.
- Tempat penyimpanan bahan kimia seperti kontainer atau tong perlu dilabel dengan betul dan teratur.
- Tempat penyimpanan bahan kimia hendaklah disimpan tempat yang selamat dan tertutup daripada terdedah kepada matahari dan hujan.
- Dinding bund atau pembendungan hendaklah disediakan sebagai penghadang bagi mengelakkan berlakunya mengalir ke tanah.
- Memastikan bekalan kecemasan seperti peti pertolongan cemas, tempat mencuci mata, alat pemadam api, kit tumpahan dan peralatan perlindungan diri disediakan dan ditempatkan tempat yang mudah diperolehi.

Selepas Kejadian

- Setiap masa mengikuti arahan atau maklumat terkini mengenai keadaan kawasan yang terjejas dan sentiasa peka untuk mendapatkan arahan selanjutnya.
- Syarikat atau industri dikehendaki untuk mengemaskini pelan pengurusan dan tindakan bagi mengelakkan sebarang kejadian tumpahan kimia.

4.2 Ancaman Biologi

Serangan agen biologi ialah pembebasan agen-agen biologi yang sengaja dilepaskan dalam bentuk mikro-organisma hidup dan toksin-toksin biologi untuk membunuh atau melumpuhkan orang ramai. Agen sedemikian boleh dilepaskan ke dalam persekitaran dengan penyembur aerosol, makanan dan air serta pembawa jangkitan seperti nyamuk dan tikus. Agen biologi yang berjangkit adalah seperti cacar.

4.2.1 Tanda-tanda Kemungkinan Terjadinya Serangan Agen Biologi

Serangan agen biologi tidak menunjukkan kesan yang serta-merta kepada biskita kerana ia akan mengambil masa untuk memberi tindak balas. Sila ambil perhatian kepada perkara-perkara seperti berikut:

- Bahan-bahan berserbuk atau gel yang luar biasa dan barang-barang yang mencurigakan.
- Terdapat maklumat mengenai penyakit-penyakit luar biasa di kawasan biskita.
- Jumlah pesakit yang melaporkan tanda-tanda yang sama

Tiada ciri atau tanda-tanda ketara bagi pelepasan agen biologi kerana ia biasanya tidak berwarna dan tidak berbau. Oleh itu, ancaman biologi hanya boleh ditentukan berdasarkan kesannya terhadap kawasan sekitar dan secara amnya selepas satu tempoh masa.

(There are no characteristic or immediate signatures of the release of biological agents as they are usually colourless and odourless. A biological incident can therefore only be determined on the bases of its effects upon the surrounding area, and generally after a period of time)

4.2.2 Sekiranya Berlaku Serangan Agen Biologi

Disebabkan kesan-kesan serangan agen mengambil masa untuk dikenal pasti dan mengesahkan serangannya, akibatnya, pegawai-pegawai kesihatan awam tidak dapat menyediakan maklumat ke atas tindakan segera yang perlu diambil bagi menentang serangan agen biologi. Biskita disarankan mengambil langkah berjaga-jaga seperti berikut:

- Mengamalkan kebersihan diri untuk mengelakkan penyebaran kuman-kuman.
- Sentiasa mengikuti perkembangan lanjut melalui berita semasa mengenai gejala-gejala agen biologi dan tempat-tempat untuk mendapatkan bantuan perubatan kecemasan.

Jangan membuat sebarang pengisytiharan kecemasan biologi ke atas sebarang penyakit; biskita disarankan untuk mendapatkan nasihat perubatan jika kurang pasti.

Pakai sungkup muka terutamanya jika orang di sekeliling biskita telah jatuh sakit.

4.2.3 Jika Biskita Telah Terdedah Kepada Agen Biologi

- Biskita mungkin tidak mengalami apa jua tanda dengan jelas, tetapi biskita harus mengenal pasti dengan segera di mana agen biologi yang disyaki dilepaskan, dan beredar dengan serta-merta.
- Tutup hidung dan mulut biskita dengan sehelai kain lembab semasa beredar dari kawasan terjejas.
- Jika biskita berada di dalam bangunan, laporkan segera dengan menghubungi 995 untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat dan nyatakan bahawa biskita telah terdedah kepada agen biologi.
- Mandi dengan menggunakan air dan sabun dan tukar kepada pakaian bersih. Seboleh-bolehnya masukkan semua pakaian yang tercemar ke dalam beg plastik.
- Jika biskita dan ahli keluarga jatuh sakit, dapatkan nasihat perubatan di hospital atau klinik yang berdekatan.

4.2.4 Jika Biskita Fikir Seseorang Itu Telah Terdedah Kepada Agen Biologi

- Jauhi daripada orang terbabit dan elakkan sentuhan secara langsung.
- Hubungi 995 untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat/991 untuk perkhidmatan ambulans untuk mendapatkan bantuan.

4.3 Ancaman Antraks (Anthrax)

Antraks ialah sejenis penyakit yang disebabkan oleh bakteria dan ianya dalam bentuk serbuk yang dihantar melalui pengiriman surat atau bungkusan, walaupun tidak berjangkit, ia memberikan ancaman kepada keselamatan awam. Oleh itu agensi-agensi yang berkenaan telah mengambil langkah berjaga-jaga untuk menangani ancaman ini

Mengenalpasti sampul surat atau bungkusan yang diragukan mengandungi Antraks

Sampul surat atau bungkusan yang mencurigakan mungkin mempunyai beberapa petunjuk berikut:

- Asal- cap pos atau nama pengirim adalah luar biasa, tidak diketahui atau tiada alamat lanjut yang diberikan (*Origin- postmark or name of sender is unusual, unknown, or no further address is given*);
- Pos- pos berlebihan atau tidak mencukupi (*postage- excessive or inadequate postage*);
- Surat atau bungkusan kelihatan berat dan tebal (*the letter is lopsided or unusually thick*);

- Kandungan- kekakuan atau kelembutan kandungan; mengandungi wayar atau komponen yang menonjol; pembungkus luar atau sampul surat berminyak; terasa seperti mengandungi bahan serbuk (jangan bengkokkan secara berlebihan apabila memeriksa) [*contents- stiffness or springiness of contents; protruding wires or components; oily outer wrapping or envelope; feels like it contains powdery substance (when checking, do not bend excessively)*];
- Berbau badam atau bau lain yang mencurigakan (*Smells of almond or other suspicious odors*);
- Tulisan pengirim luar biasa atau menunjukkan gaya asing yang tidak biasa diterima oleh penerima (*handwriting of sender is not familiar or indicates a foreign style not normally received by recipient*);
- Perkataan atau nama biasa tersalah eja (*Common words or names are misspelled*);
- Huruf-huruf blok yang di sapu (*Rub-on block lettering*)

4.3.1 Sekiranya Biskita Mengesyaki Bahawa Sebuah Artikel Mengandungi Antraks

- Hubungi 995 untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat. Maklumkan kepada kakitangan atau pengurus keselamatan premis jika biskita berada di dalam bangunan/rumah.
- Jangan pegang artikel secara langsung, menghidu atau mendedahkan kandungannya, atau mencuba untuk membersihkan kandungan yang tertumpah jika ada.
- Jika sampul surat atau bungkusan telah dibuka, tutup kandungan yang terdedah atau tertumpah dengan penutup plastik, kain, kertas atau tong sampah dengan segera; jangan alihkan penutup tersebut sehingga pihak berkuasa sampai.
- Matikan suis kipas dan pengudaraan di dalam kawasan yang terlibat.
- Tinggalkan bilik dan tutup pintu bagi menghalang orang dari masuk.
- Basuh tangan dan mana-mana kulit yang terdedah dengan sabun dan air.
- Mandi dengan menggunakan air dan sabun dan tukar kepada pakaian bersih; Seboleh-bolehnya masukkan semua pakaian yang tercemar ke dalam beg plastik. Jika biskita dan ahli keluarga jatuh sakit, dapatkan nasihat perubatan di hospital atau klinik yang berdekatan.

4.4 Ancaman Bom

Kejadian ancaman bom terus mengalami peningkatan yang sangat dirasakan kesannya kerana telah menimbulkan korban jiwa dan kerugian yang besar. Sikap berhati-hati dan mematuhi peraturan boleh mengurangkan kehilangan nyawa dan kemusnahan.

4.4.1 Jika Biskita Melihat Barang Yang Mencurigakan Atau Bom Yang Belum Meletup

- Jangan disentuh atau dipindah dan jauhkan diri daripada barang/benda yang disyaki.
- Tinggalkan tempat tersebut dan beri amaran kepada yang lain tentang benda berkenaan.
- Jangan menggunakan telefon bimbit berdekatan dengan benda yang mencurigakan itu.
- Hubungi 993 untuk Pasukan Polis Diraja Brunei dengan segera dan sediakan butiran seperti bentuk, saiz, warna dan lokasi bom yang disyaki.
- Ikut arahan petugas/kakitangan kecemasan.
- Tuju ke tempat perkumpulan (kira-kira 500m dari bangunan).

4.4.2 Jika Biskita Menerima Ancaman Bom Melalui Telefon

- Jangan cemas atau panik.
- Bawa bertenang dan berikan isyarat kepada seseorang yang berdekatan untuk melaporkan kepada Polis.
- Teruskan perbualan dengan pemanggil selama yang mungkin dan cuba perolehi maklumat yang jelas serta perkataan tepat yang digunakannya dalam ancaman.
- Cuba dapatkan dari pemanggil butir-butir seperti berikut:
 - ❖ Bilakah bom itu akan meletup.
 - ❖ Di manakah bom itu diletakkan.
 - ❖ Apakah jenis dan bagaimanakah rupa bom itu.
 - ❖ Apakah yang mencetuskan bom untuk meletup.
 - ❖ Jika dia sendiri meletakkan bom dan tanyakan mengapa.
 - ❖ Apakah pesanan yang cuba disampaikan dan kepada siapa.
 - ❖ Nama dan lokasi terkini.
- Penting Bagi Biskita Untuk Mengambil Perhatian Kepada Perkara Berikut:
 - ❖ Ciri-ciri suara pemanggil (contohnya nada, lelaki atau perempuan dewasa atau kanak-kanak).
 - ❖ Bahasa dan loghat (contohnya orang setempat atau orang asing).
 - ❖ Cara percakapan (contohnya, laju, tersekat-sekat, tenang, emosi atau marah).
 - ❖ Bunyi latar belakang di persekitaran (contohnya trafik, muzik, pengumuman, teriakan dan lain-lain).

- ❖ Jangan membuat si pemanggil marah atau mengancamnya dengan apa cara pun.

Jika Biskita Menerima Ancaman Bom Secara Bersemuka

- Ingat seberapa banyak ciri-ciri orang yang membuat ancaman dan tuliskan apa yang diperkatakan secepat mungkin. Ikuti prosedur yang diterangkan sebelum ini untuk menyampaikan ancamannya kepada pihak polis (*Try to remember as many distinguishing characteristics of the threat-maker as possible and write down what was said as is practicable. Then follow the previously described procedure to fully communicate the threat to appropriate staff*).

Jika Biskita Menerima Ancaman secara Bertulis:

- Jangan benarkan orang lain untuk menyentuh bahan ancaman yang diterima dan ikuti prosedur yang telah diterangkan sebelum ini.

Jika Biskita Menerima Ancaman melalui E-mel atau Mesej di Media Sosial:

- Jangan balas, hantar atau padam e-mel atau mesej tersebut;
- Ambil maklum alamat e-mel pengirim atau nama pengguna/ ID pengirim mesej di media sosial;
- Jika biskita pernah berinteraksi dengan orang yang membuat ancaman, simpan log-log interaksi sejak 7 hari sebelum ancaman dibuat dan 48 jam selepas ancaman telah dibuat.

4.4.3 Jika Biskita Menerima Surat Atau Bungkusannya Yang Mencurigakan Atau Bungkusannya Bom

- Sekiranya biskita menerima surat atau bungkusannya yang disyaki dan meragukan kandungannya, jangan cuba untuk membukanya.
- Tanyakan identiti si pembawa surat atau bungkusannya.
- Hubungi Polis di talian 993 untuk Pasukan Polis Diraja Brunei sekiranya biskita mengesyaki bungkusannya itu merupakan bom.
- Letakkan surat atau bungkusannya tersebut di sebuah sudut yang berjauhan dari tingkap.

Peringatan:

Bahawa kebanyakan bom dibuat akan meletup apabila bungkusannya dibuka atau dikoyak.

- a) Ia mungkin sebutir bom jika:
- Bayaran pos berlebihan berbanding beratnya.
 - Terlalu banyak ikatan tali dan pita pelekat digunakan.
 - Bentuk, saiz yang ganjil dan kukuh.
 - Kesan-kesan minyak atau kelunturan pada bahan pembungkus.
 - Bau luar biasa seperti bau badam (*almond*).
 - Wayar atau kerajang aluminum melekat di luar surat atau bungkusan.
 - Tulisan tangan yang tidak dikenali.
 - Hanya nama penerima padanya atau tanda pembatas seperti “peribadi”, “rahsia”, dan “untuk dibuka oleh penerima sahaja”.
- b) Jika biskita tidak pasti asalnya dan biskita ada sebab mengesyaki sebutir bom, laporkan kepada pihak Polis secepat mungkin.
- c) Kosongkan bilik dan bangunan jika boleh, sementara itu biarkan semua pintu dan tingkap terbuka bagi mengurangkan kesan-kesan taburan kaca jika bom meletup.
- d) Ikuti arahan petugas / kakitangan kecemasan.
- e) Diletakkan berhampiran struktur atau tapak bangunan yang terdedah atau penting (*it is placed near a vulnerable structure or building or at a site of an important event*)

4.5 Evakuasi Dari Kawasan Letupan Prosedur Dekontaminasi

Jika biskita berada dalam kawasan letupan:

- Bertenang dan jangan cemas.
- Bawa keperluan asas sahaja dan berpindah dengan cara teratur.
- Jangan gunakan lif kerana ia mungkin rosak; gunakan tangga tetapi jangan biarkan pintu terbuka kerana ia akan membolehkan lebih banyak asap memasuki ruang tangga.
- Jangan berlari; berjalan dengan cepat dan bantu orang yang kurang upaya, kanak-kanak dan warga tua di sepanjang perjalanan itu.
- Biarkan jalan dan lorong pejalan kaki kosong untuk kenderaan-kenderaan kecemasan dan para penyelamat ketika keluar mencari mereka.
- Jangan gunakan telefon bimbit, radio atau peralatan elektronik di tapak pengeboman kerana ianya mungkin mencetuskan letupan tahap kedua.
- Jangan memasuki bangunan yang strukturnya telah rosak oleh letupan.
- Tinggalkan kawasan tersebut dan bersurai secepat mungkin sekiranya berlaku serangan susulan.
- Maklumkan orang-orang lain yang mungkin tidak terdengar bunyi penggera atau perintah pemindahan (*Notify other who might not have heard the alarm or evacuation orders*)

PERINGATAN:

Jangan sebarkan khabar angin mengenai keadaan itu.

- Jangan gunakan telefon bimbit biskita untuk memanggil bantuan kerana ia mungkin boleh mencetuskan letupan tahap kedua.
- Jika biskita mampu berpindah, beredar dari kawasan terlibat, jika tidak kurangkan pergerakan kerana ianya boleh memburukan keadaan biskita.
- Jika biskita terperangkap, rujuk ms 42
- Jika biskita tidak berada di dalam kawasan terlibat, jauhi dari tapak letupan dan jangan gunakan telefon bimbit.
- Selepas berlakunya letupan, berhati-hati terhadap bahaya letupan selepas itu seperti:
 - ❖ Struktur-struktur bangunan.
 - ❖ Serpihan tajam dan kaca pecah.
 - ❖ Asap, kebakaran dan asap toksik.
 - ❖ Kebocoran air dan gas disebabkan kerosakan paip utiliti dan terdedah kepada kabel-kabel elektrik hidup.
- Berhati-hati dengan letupan bom susulan.
- Memastikan keselamatan sendiri sebelum membantu yang lain.
- Jika keselamatan mengizinkan dan biskita adalah pembantu pertolongan kecemasan terlatih, rawat mangsa di mana mereka berada sehingga ketibaan pertolongan kecemasan.
- Jika biskita tidak terlatih dalam pertolongan cemas, beredar dari kawasan berbahaya; perhatikan lokasi-lokasi mangsa yang cedera parah, hilang atau terperangkap dan maklumkan kepada para penyelamat untuk merawatnya.

4.6 Prosedur Dekontaminasi

Sekiranya berlaku kejadian yang melibatkan bahan kimia, biologi atau radiologi, Jabatan Bomba dan Penyelamat akan menyediakan para anggota bagi kemudahan dekontaminasi di tempat kejadian untuk mendekontaminasikan orang-orang yang terjejas. Proses kritikal ini dapat menyelamatkan nyawa dan mencegah pencemaran. Proses dekontaminasi yang menyeluruh melibatkan langkah-langkah berikut:

4.6.1 Pendaftaran

- Ambil beg untuk diisi barangan peribadi dan tuliskan nombor Kad Pengenalan biskita di atasnya dengan penanda dakwat yang tidak larut.

- Letakkan barang berharga biskita dalam beg, zipkan dan serahkan kepada Anggota Bomba dan Penyelamat
- Ambil satu beg sampah dan terus pergi ke bahagian pancuran.

4.6.2 Menanggalkan Pakaian

- Tanggalkan semua pakaian dan kasut, dan gunting pakaian tercemar yang biasanya ditanggalkan melalui kepala untuk mengelakkan sentuhan dengan mata, hidung dan mulut biskita, dengan langkah-langkah sedemikian akan meluputkan sehingga 80% daripada pencemaran.
- Letakkan barang-barang tadi ke dalam beg sampah dan ikat beg itu dengan dawai pengikat yang disediakan; buang beg tersebut ke dalam tong sampah tersedia.

4.6.3 Mandian

- Ambil span, lalu membongkok dan basuh rambut biskita terlebih dahulu.
- Basahkan seluruh badan dan sapukan cecair pencuci yang bersesuaian/disediakan; gosok badan biskita secara menyeluruh, terutamanya di kawasan ketiak dan pangkal paha.
- Buangkan span yang dipakai ke dalam tong sampah dan mandi dengan sempurna sekurang-kurangnya dua minit untuk membilas bahan pencuci.

4.6.4 Mengeringkan

- Ambil tuala dan keringkan badan biskita; buang tuala terpakai ke dalam tong sampah yang tersedia.

4.6.5 Memantau

- Angkatkan tangan ke tepi untuk menjadikan bentuk T dengan badan biskita; dengan cara ini, anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat dapat mengimbas badan Biskita bagi sebarang kesan-kesan pencemaran yang masih ada.
- Jika sisa-sisa bahan tercemar dikesan, biskita perlu mengulang langkah 4.7.3 hingga 4.7.5./ 4.6.3 hingga 4.6.5

4.6.6 Mengenakan Pakaian

- Sebaik sahaja biskita telah didekontaminasi, sarungkan jubah mandi dan kasut yang disediakan, kemudian berehat di kawasan simpanan sementara dan tunggu arahan selanjutnya daripada anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat.

4.7 Keselamatan Pengangkutan Awam

Sistem pengangkutan awam adalah sasaran mudah untuk pengganas-pengganas kerana kewaspadaan adalah penting. Jika biskita melihat sesuatu atau seseorang yang mencurigakan, maklumkan kepada pemandu/konduktor bas, atau kakitangan keselamatan dengan segera. Sekiranya terdapat ancaman kepada nyawa atau kes-kes kecederaan, hubungi 993 untuk Polis dan 995 untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat dan 991 Perkhidmatan Ambulans.

4.7.1 Jika Biskita Melihat Sesuatu Atau Sesiapa Yang Meragukan

- Hubungi pihak Polis 993 untuk Pasukan Polis Diraja Brunei atau beritahu kakitangan keselamatan.
- Hubungi 991 untuk perkhidmatan ambulans sekiranya ada seseorang yang cedera atau nyawa mereka terancam.
- Jangan letakkan diri biskita pada bahaya.
- Bertenang dan berfikir sebelum bertindak.

4.7.2 Maklumkan Pemandu Atau Konduktor Bas Jika Biskita Terlihat Bungkusannya Yang Mencurigakan

- Sekiranya biskita melihat sesuatu yang meragukan semasa berada di dalam bas, usah kelam kabut dan panik.
- Jangan disentuh barang yang dicurigai.
- Beritahu pemandu atau konduktor bas supaya beliau akan menilai keadaannya dan memindahkan para penumpang ke bas yang lain atau tempat selamat jika perlu.
- Jaga kanak-kanak, orang kurang upaya dan penumpang warga tua.
- Ikut arahan pemandu atau konduktor bas.

Jika Biskita Melihat Bungkusannya Terbiar, cari tanda-tanda berikut (*If you spot an unattended package, look for the following*):

- Penempatan di lokasi terpencil;
- Individu tergesa-gesa meninggalkan bungkusannya dan kawasan itu;
- Nota atau kertas dilampirkan dengan bungkusannya (*An attached message*);
- Kabus, gas, wap, bau atau cecair merembas yang mencurigakan (*Suspicious mist, gas, vapour, odour or seeping fluids*);
- Individu berdekatan menunjukkan tanda-tanda sakit atau gugup.

Jika Biskita Melihat Individu yang Mencurigakan, cari tanda-tanda

berikut:

- Merasa gugup (*Visible signs of nervousness*).
- Berpeluh berlebihan.
- Mempunyai penyembur kanister aerosol (*Sprayer bottles or aerosol canisters*);
- Berpakaian yang tidak sesuai (terlalu longgar atau terlalu berat dalam cuaca panas).

Jangan berdepan atau menegur individu yang mencurigakan. Hubungi pemandu atau polis dengan segera. Jangan gunakan telefon bimbit sehingga biskita berada dalam jarak yang selamat.

NOMBOR-NOMBOR PENTING / KECEMASAN

	PERKHIDMATAN AMBULANS	991
	PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI	993
	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT	995
	MENCARI DAN MENYELAMAT	998
	JABATAN KERJA RAYA PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	123/140
	JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK	123/144
	JABATAN PERIKANAN	2770066 2770067 2770069 2770070
	BADAN BERKUASA MARITIM DAN PELABUHAN (MPABD)	2770222(5) 2770240 2836968 8640834
	PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN	2380266 2380354 2380284

		2380275
--	--	---------